



Hujung Minggu

فیتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 SUBUH 4.47 SYURUK 6.12 DUHA 6.36 ZUHUR 12.25 ASAR 3.51 MAGHRIB 6.36 ISYAK 7.52 Daerah Belait ditambah 3 minit
DAERAH TUTONG ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 78

29 JUN 2024 / 1445 ذوالحجـة 22

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

MANISNYA IMAN ايمان

"MAKA apabila kamu telah selesai mengerjakan ibadah haji hendaklah kamu berzikir mengingati Allah sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut bapa-bapa (dan datuk nenek) kamu bahkan berzikirlah lebih daripada itu. Dalam pada itu ada antara manusia yang (berdoa hawa dengan berkata : "Ya Tuhan kami! Berilah kami (kebaikan) di dunia". (Orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikit pun kebaikan di akhirat".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 200.

BERKENAN MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH-PENGARAH BSP, BSM

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Lembaga-lembaga Pengarah Syarikat Usaha Sama Brunei Shell (BSJV) berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-411 dan Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad (BSM) Ke-189 bagi Suku Kedua Tahun 2024.
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Shell (BSJV) berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-411 dan Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad (BSM) Ke-189 bagi Suku Kedua Tahun 2024 pagi tadi.

>> Muka 2

22 warga KKBS terima Pingat Kerja Lama

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Seramai 22 warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya menerima Pingat Kerja Lama (PKL) hari ini bersamaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun.

Penyampaian PKL yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan KKBS itu disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

>> Muka 8

Penerbangan keempat jemaah haji NBD selamat kembali ke tanah air

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Jun. - Jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi penerbangan keempat selamat mendarat pada jam 8.44 pagi tadi menggunakan pesawat Diraja Brunei (Royal

Brunei) BI 4228.

Seramai 251 jemaah haji termasuk pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan) dan pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd.

>> Muka 5

Kibar bendera sempena Hari Keputeraan mulai 1 Julai

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Ke-78 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, suka cita menyeru rakyat dan penduduk negara ini supaya sama-sama mengibarkan bendera di rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan kerajaan dan premis-

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

premis perniagaan serta pemasangan dan penyalaan lampu-lampu ccul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta selama satu bulan bermula 1 Julai hingga 31 Julai 2024.

Sehubungan itu, Pengiran-pengiran dan orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan orang ramai pula akan mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam.



Berita Utama



KEPENTINGAN pengurusan kewangan daripada perspektif Islam

Muka 9



FORUM Kebudayaan Belia ASEAN tutup tirai

Muka 12



FORUM Kerjaya UBD : Peluang kongsi tentang pasaran pekerjaan global

Muka 14



RENCANA

PBA tingkatkan pengajaran bahasa Arab bahasa harian

Muka 28

Berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah BSP, BSM

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
 Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Ak. Mohd. Aminol
 Adi Azraie Pg. Haji Nikman



>> Muka 1

Mesyuarat-mesyuarat berkenaan adalah kesinambungan daripada Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei LNG Sdn. Bhd. (BLNG) Ke-222 dan Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-108 yang bersidang pada 26 Jun 2024.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dijungung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah sebagai Ahli-ahli Lembaga Pengarah pengarah BSJV.

Juga hadir pada mesyuarat-mesyuarat berkenaan ialah Pegawai-pegawai Eksekutif yang mewakili Pemegang-pemegang Saham (Shareholder Directors), Shell PLC dan Ahli-ahli Kumpulan Kepimpinan Syarikat-syarikat BSP dan BSM serta wakil-wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Pengurus Lembaga-lembaga Pengarah Syarikat Usaha Sama Brunei Shell (BSJV) berkenan berangkat dan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-411 dan Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad (BSM) Ke-189 bagi Suku Kedua Tahun 2024 (atas dan atas kiri).

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat berkenaan melambangkan keprihatinan baginda yang sangat mendalam terhadap perkembangan Sektor Minyak dan Gas termasuk industri-industri hilir dan huluhan yang menjadi nadi utama ekonomi

negara.

Syarikat-syarikat BSJV khususnya Syarikat BSP memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara selama 95 tahun bermula daripada penemuan minyak yang pertama di Seria pada 1929.

Dengan pengambilahan kepengerusian Lembaga Pengarah-pengarah BSJV, Kebawah DYMM telah

mengetengahkan keperluan bagi syarikat-syarikat BSJV untuk meningkatkan pelaburan dalam mendukung pertumbuhan ekonomi negara pada tahun-tahun mendatang.

Ini adalah selaras dengan hasrat baginda untuk melihat pembangunan ekonomi yang lebih pesat lebih-lebih lagi menjelang Jubli Intan baginda Menaiki Takhta yang akan disambut pada 2027.

WAKTU SEMBAHYANG

Jun MASIHI	HARI	Zulhijah HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29	SABTU	22	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
30	AHAD	23	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
1	ISNIN	24	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
2	SELASA	25	4.38	4.48	6.12	6.37	12.25	3.51	6.36	7.52
3	RABU	26	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.36	7.52
4	KHAMIS	27	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
5	JUMAAT	28	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU Bandar Seri Begawan	AHAD	ISNIN
32 25 °C 	32 25 °C 	33 25 °C
Pekan Bangar		
33 25 °C 	31 25 °C 	33 24 °C
Pekan Tutong		
32 25 °C 	31 25 °C 	32 25 °C
Kuala Belait		
31 25 °C 	31 25 °C 	31 24 °C

Wallahu alam Bissawab
 Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

29 JUN 2024

Sentiasa hormat-menghormati di jalan raya

DALAM keadaan cuaca tidak menentu yang dialami pada masa ini, adalah penting untuk kita sentiasa berhati-hati di jalan raya. Janganlah kita tergesa-gesa dan membawa kereta dengan laju dan tidak menentu kerana ini boleh membahayakan diri dan juga pengguna jalan raya yang lain. Kita perlu ingat akan keselamatan kita dan orang sekeliling dan juga orang-orang tersayang.

Kita perlu menanai sifat hormat-menghormati bukan sahaja apabila berdepan dengan orang tetapi juga di jalan raya. Berbudi bahasa di jalan raya bermakna menunjukkan rasa hormat kepada pemandu lain, pejalan kaki dan penunggang basikal dan mematuhi peraturan jalan raya untuk memastikan keselamatan untuk semua orang. Antara cara kita menanai sifat hormat-menghormati di jalan raya ialah dengan mengikuti peraturan jalan raya seperti menggunakan tanda isyarat apabila hendak memblok, masuk simpang atau bertukar lorong. Apabila dalam keadaan jalan raya sesak kita perlu menahan diri daripada tingkah laku memandu yang agresif atau sifat tidak kerjasama seperti tidak mahu memberi laluan kepada pemandu lain.

Apabila pemandu menunjukkan sifat hormat-menghormati antara satu sama lain, ia mewujudkan persekitaran pemanduan yang lebih harmoni dan selamat untuk semua orang di jalan raya. Sifat hormat-menghormati di jalan raya boleh membantu pengurangan kemalangan, kecederaan dan kematian di jalan raya. Apabila pemandu menunjukkan rasa hormat antara satu sama lain dan mematuhi peraturan jalan raya, ia mewujudkan persekitaran pemanduan yang lebih aman dan cekap.

Selain daripada sifat hormat-menghormati kita juga perlu mempraktikkan tip keselamatan jalan raya untuk diri sendiri dan kenderaan kita. Antaranya ialah seperti sentiasa memasang tali pinggang keledar dan membantu dalam keadaan tenang. Tip keselamatan lain ialah seperti tidak menggunakan telefon bimbit atau melakukan sesuatu yang boleh melarikan fokus dari jalan raya apabila memandu seperti hendak mencari barang dalam beg atau barang yang jatuh ke lantai. Elakkan memandu apabila letih dan elakkan mengambil ubat yang boleh menyebabkan rasa mengantuk. Sentiasa berhati-hati semasa menukar lorong dan apabila memotong kenderaan lain dan untuk tidak lupa menggunakan lampu indikator.

Selain daripada sifat hormat-menghormati kita juga perlu mempraktikkan tip keselamatan jalan raya untuk diri sendiri dan kenderaan kita. Antaranya ialah seperti sentiasa memasang tali pinggang keledar dan membantu dalam keadaan tenang. Tip keselamatan lain ialah seperti tidak menggunakan telefon bimbit atau melakukan sesuatu yang boleh melarikan fokus dari jalan raya apabila memandu seperti hendak mencari barang dalam beg atau barang yang jatuh ke lantai. Elakkan memandu apabila letih dan elakkan mengambil ubat yang boleh menyebabkan rasa mengantuk. Sentiasa berhati-hati semasa menukar lorong dan apabila memotong kenderaan lain dan untuk tidak lupa menggunakan lampu indikator.

Berbudi bahasa di jalan raya adalah aspek asas tingkah laku pemanduan yang bertanggungjawab. Kepentingan berbudi bahasa jalan raya dan mempunyai sifat hormat-menghormati di antara pengguna jalan raya perlu terus ditekankan. Ini membawa kepada perubahan positif dalam amalan keselamatan jalan raya. - Ketua Penyuntingan (Nr)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردان منtri دان دجیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT-MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH-PENGARAH BLNG, BGC



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Joint Ventures Companies (BSJV) berkenan berangkat dan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-222 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-108 bagi Suku Kedua Tahun 2024 (atas dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Joint Ventures Companies (BSJV) pagi ini berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-222 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-108 bagi Suku Kedua Tahun 2024.

Mesyuarat tersebut berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Dengan pengambilalihan sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah-pengarah BSJV ini, jelas mencerminkan keprihatinan baginda untuk memimpin dan mengemudi hala tuju masa depan Sektor Minyak dan Gas yang merupakan salah satu tunggak utama dalam ekonomi negara.

Ini juga bagi memastikan pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam meningkat lebih pesat pada masa akan datang, selaras dengan Matlamat 3 di bawah Wawasan Brunei 2035 iaitu 'Ekonomi yang Dinamik dan Berdayatahan'.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, sebagai Ahli-ahli Lembaga Pengarah-pengarah BLNG dan BGC.

Mesyuarat tersebut dimulakan dengan bacaan doa oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Mesyuarat yang juga dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors

yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Shell PLC dan Mitsubishi Corporation serta ahli-ahli kumpulan kepimpinan daripada BLNG dan BGC, antara lainnya, menggariskan kemajuan semasa, inisiatif dan rancangan masa hadapan BLNG dan BGC.

Sejak penubuhannya pada tahun 1969, Brunei LNG Sendirian Berhad mencipta sejarah sebagai syarikat pertama di Pasifik Barat yang mulakan pencairan gas asli secara besar-besaran.

Sebagai salah satu pembekal utama Gas Asli Cecair (LNG), BLNG membekalkan LNG

terutamanya kepada pelanggan di rantau Asia.

Setakat ini, BLNG telah menghantar lebih 7,500 kargo kepada pelanggan mereka melalui empat kapal LNG yang dimiliki oleh BGC.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya akan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-411 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-189 bagi Suku Kedua Tahun 2024 pada hari esok.



ANTARA yang hadir menadah tangan ketika doa dibacakan (kanan dan bawah).



MESYUARAT tersebut dimulakan dengan bacaan doa oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran (bawah).



BRUNEI SELECT BERJAYA TEWASKAN BRUNEI LEGENDS, 4 - 1



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berserta kerabat diraja berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan dan seterusnya bergambar ramai bersama para pemain kedua-dua pasukan (atas dan kiri).

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 28 Jun. - Brunei Select berjaya menewaskan Brunei

Legends dengan jaringan 4 - 1 pada Perlawanan Bola Sepak Amal Pusat Ehsan 2024 yang

berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berserta kerabat diraja.

Turut berangkat menyertai perlawanan berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Kapten Pasukan Brunei Select.

Mu'izzaddin Waddaulah selaku Kapten Pasukan Brunei Legends, dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntasim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah selaku Kapten Pasukan Brunei Select.

Babak pertama menyaksikan Brunei Select lebih awal menjaringkan gol melalui sepakan pemain legenda dari Real Madrid, Fernando Morientes pada minit ke-8 perlawanan menjadikan jaringan, 1 - 0.

Namun gawang Brunei Select berjaya dibolosi pada minit ke-15

hasil jaringan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menjadikan kedudukan seri, 1 - 1.

Brunei Select menambah lagi gol pada minit ke-43 melalui sepakan Farish Aziz. Selang seminit kemudian, Brunei Select terus mengasak kubu pertahanan Brunei Legends dengan tambahan satu lagi gol hasil rembatan Michael Henry menjadikan kedudukan, 3 - 1.

Kedudukan 3 - 1 kekal hingga tamat separuh masa pertama.

Masuk babak kedua perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, akan tetapi nasib lebih memihak kepada Brunei Select apabila Hendra Azam menjaringkan gol pada minit ke-90 menjadikan kedudukan 4 - 1.

Jaringan kekal 4 - 1 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Pada akhir perlawanan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan mengurniakan penyampaian hadiah kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Kapten Pasukan Brunei Legends dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntasim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah selaku Kapten Pasukan Brunei Select (atas kiri dan atas). Manakala gambar kiri dan bawah kiri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat menyertai perlawanan tersebut. Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir memberikan sokongan.

Perlawanan Bola Sepak Amal Pusat Ehsan 2024 merupakan acara menarik yang menghimpunkan para pemain Euro Legends, peminat bola sepak, pempengaruh (*influencer*) tempatan dan atlet tempatan, serta bintang-bintang bola sepak muda, bermain menentang satu sama lain.

Semua hasil jualan tiket akan disalurkan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.



KUNJUNGAN MUHIBAH BINCANG MEMPERKASA PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI PARLIMEN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Jun. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hari ini menerima kunjungan muhibah daripada Ketua Badan Kerjasama Antara Parlimen, Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia, Yang Berhormat Dr. H. Fadli Zon.

Majlis yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat di sini menerima rombongan Yang Berhormat Dr. H. Fadli Zon yang disertai seramai tujuh ahli parlimen dari Badan Kerjasama



Antara Parlimen (Committee for Inter-Parliamentary Cooperation), Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia.

Semasa sesi kunjungan muhibah berkenaan, kedua-dua pihak membincangkan mengenai memperkasa penggunaan bahasa Melayu di parlimen-parlimen.

Kepentingan bahasa Melayu dan penggunaannya bukan sahaja sebagai bahasa perantaraan tetapi juga sebagai warisan bangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN mengongsikan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara, yang berpegang kepada falsafah Melayu Islam Beraja dan tidak berpisah daripada cara hidup dan identiti rakyat di

Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, Yang Berhormat Dr. H. Fadli Zon juga mengongsikan bahawa inisiatif berkenaan dianggap sebagai langkah penting ke hadapan untuk memastikan bahasa Melayu akan terus diperkuuh.

Kedua-dua pihak juga telah bertukar-tukar pandangan mengenai persamaan antara kedua-dua negara dalam aspek berkenaan dan perkembangan bahasa Melayu yang dapat dilihat sehingga ke hari ini.

Kunjungan muhibah kali ini juga diselanjurkan dengan sesi dialog antara rombongan Badan Kerjasama Antara Parlimen, Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia bersama dengan Ahli-ahli MMN yang hadir.

Perbincangan diadakan secara terperinci mengenai inisiatif Pertubuhan Parlimen berbahasa Melayu berkenaan.

Rombongan Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia menyuarakan bahawa inisiatif untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kerja rantau ASEAN amat bersesuaian memandangkan rantau berkenaan mempunyai lebih daripada 300 juta orang yang boleh bertutur dalam bahasa berkenaan dan berharap ia dapat direalisasikan dengan segera.

Manakala, Ahli-ahli MMN turut memberikan sokongan terhadap inisiatif berkenaan dan mengongsikan harapan bahawa dengan penubuhan berkenaan, beberapa aspek tertentu boleh



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menerima kunjungan muhibah daripada Ketua Badan Kerjasama Antara Parlimen, Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia, Yang Berhormat Dr. H. Fadli Zon (atas). Manakala gambar bawah kiri, Yang Berhormat mengadakan lawatan di Dewan Persidangan MMN.

difikirkan seperti penyelerasan bahasa untuk kegunaan semua, dan melaksanakannya bersama dengan kemajuan perisian teknologi yang akan memberi manfaat.

Turut hadir sama dalam kunjungan muhibah berkenaan ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah berserta Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato

Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman; Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam; Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin; Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat; dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Sesi berkenaan diakhiri dengan lawatan di Dewan Persidangan MMN.

Penerbangan keempat jemaah haji NBD selamat kembali ke tanah air

>> Muka 1

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Alishahrin Haji Mumin

Hadir mengalau-alukan ketibaan jemaah haji NBD di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan Datin; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al Buraitin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan Datin; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan Datin hadir mengalau-alukan ketibaan jemaah haji (atas kanan dan atas).

Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Bolkiyah, Awang Haji Haris bin Haji Suboh.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji dan para pegawai kanan KHEU.

Doa Selamat dibacakan oleh Penguasa Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Awang Haji Haris bin Haji Suboh.

JEMAAH haji Negara Brunei Darussalam bagi penerbangan keempat selamat mendarat pada jam 8.44 pagi menggunakan pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI 4228.



Penerbangan ketiga membawa 252 jemaah haji selamat mendarat



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan Datin hadir mengalu-alukan ketibaan jemaah haji (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, jemaah haji Negara Brunei Darussalam penerbangan ketiga selamat mendarat menggunakan Pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI 4226.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Seramai 252 jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi penerbangan ketiga selamat mendarat pada jam 8.53 pagi dengan menggunakan Pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI 4226.

Mereka terdiri daripada seorang jemaah lelaki dan dua jemaah perempuan dari Pejabat Pegawai Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan); seorang

jemaah lelaki dan dua jemaah perempuan Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); seterusnya, 19 jemaah lelaki dan 25 jemaah perempuan Syarikat Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd., 31 jemaah lelaki dan 23 jemaah perempuan Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd., manakala 31 jemaah lelaki dan 28 jemaah perempuan Syarikat Dar El-Ehsan Travel Sdn. Bhd., dan 14 jemaah lelaki dan 14 jemaah

perempuan Syarikat Raudah Al-Amin Sdn. Bhd., dan 27 jemaah lelaki dan 34 jemaah perempuan dari Titian Travel & Tours Sdn. Bhd.

Hadir mengalu-alukan ketibaan jemaah haji NBD di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri di Jabatan Pertahanan Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan Datin; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al Buraiithin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran

Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan Datin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal

Ehwal Ugama, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh serta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji dan para pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.



EKONOMI NEGARA Q1 2024 BERKEMBANG 6.8 PERATUS

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Pada suku tahun pertama (Q1) 2024, pada harga tetap, ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang positif sebanyak 6.8 peratus tahun-ke-tahun.

Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam Sektor Minyak dan Gas sebanyak 8.9 peratus dan Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 5.0 peratus.

Peningkatan bagi Sektor Minyak dan Gas adalah didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah, gas asli dan gas cecair asli (LNG).

Peningkatan ini adalah selaras dengan pengeluaran daripada penemuan padang minyak baru.

Sektor Bukan Minyak dan Gas terus menunjukkan perkembangan yang menggalakkan dengan peningkatan subsektor-subsektor seperti Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia sebanyak 26.8 peratus, Perhubungan sebanyak 17.2 peratus dan Perdagangan

Borong dan Runcit sebanyak 9.3 peratus.

Peningkatan bagi subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran produk petrokimia dan baja urea.

Manakala peningkatan bagi subsektor Perhubungan adalah selaras dengan peningkatan jumlah pengguna telefon bimbit dan pelanggan internet.

Ini diikuti oleh subsektor Perdagangan Borong dan Runcit yang meningkat selaras dengan peningkatan permintaan domestik.

Sumbangan utama KDNK mengikut aktiviti ekonomi adalah Sektor Industri yang menyumbang sebanyak 59.5 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan sebanyak 39.3 peratus dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan sebanyak 1.2 peratus.

Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa pada Q1 2024 adalah sebanyak BND5.0 bilion berbanding BND4.9

bilion pada Q1 2023.


Sektor Bukan Minyak dan Gas telah menyumbangkan sebanyak 53.1 peratus termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia dan Sektor Minyak dan Gas sebanyak 46.9 peratus termasuk aktiviti perlombongan minyak dan gas dan pembuatan LNG.

Mengikut pendekatan perbelanjaan, peningkatan pertumbuhan KDNK pada Q1 2024 adalah didorong oleh peningkatan Eksport Bersih Barang dan Perkhidmatan sebanyak 9.7 peratus dan Pembentukan Modal Kasar sebanyak 9.1 peratus, diikuti oleh Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 7.5 peratus. Walau bagaimanapun, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan mencatatkan penurunan sebanyak 5.1 peratus.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran.

Laporan penuh KDNK Q1 2024 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui deps.mofe.gov.bn.

Perkembangan Tahun-Ke-Tahun KDNK bagi Negara Brunei Darussalam Q1 2023 - Q1 2024



KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap

	Q1 2023	Q1 2024	Pertumbuhan %
BND Juta			
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1,224.8	1,162.4	-5.1
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	1,593.4	1,713.6	7.5
Pembentukan Modal Kasar	1,057.6	1,154.1	9.1
Eksport Bersih Barang dan Perkhidmatan	967.3	1,061.0	9.7
Eksport Barang dan Perkhidmatan	3,486.4	3,992.5	14.5
Import Barang dan Perkhidmatan	2,519.1	2,931.6	16.4
KDNK	4,657.5	4,973.1	6.8

DOA KESYUKURAN RAIKAN KONTINJEN IDB VMAT 5 / 2023



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan menyempurnakan penyampaian Sijil Penghargaan kepada ahli-ahli kontinjen (atas dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BOLKIAH GARISON, Jumaat, 28 Jun. - Empat pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menyertai penugasan sebagai Ahli Independent Decommissioning Body, Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) 5 / 2023 di Mindanao, Republik Filipina diraikan pada Majlis Doa Kesyukuran bersempena dengan kepuungan kontinjen yang berlangsung di Surau Ad-Difa'

Bolkiah Garison, di sini. Kontinjen berkenaan yang diketuai oleh Komander Md. Zouhdry bin Haji Abdul Razak dari Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) telah selamat tiba di Negara Brunei Darussalam pada 20 Jun 2024 yang lalu.

Hadir pada majlis berkenaan dan menyempurnakan penyampaian Sijil Penghargaan kepada ahli-ahli kontinjen ialah Menteri di Jabatan

Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB, Pemangku Pengarah Asia / Timur Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Atase Pertahanan dan Angkatan Tentera Republik Filipina, pegawai-pegawai serta anggota-anggota Kementerian Pertahanan.

Sejak penubuhan IDB VMAT

pada 2019, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghantar 18 pegawai ABDB untuk menyertai proses perdamaian di Mindanao.

Penyertaan tersebut mencerminkan komitmen NBD terhadap keamanan dan keselamatan serantau serta antarabangsa seperti yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan. Baru-baru ini, tiga pegawai ABDB telah diantar untuk meneruskan misi penugasan sebagai sebahagian daripada IDB

VMAT 6 / 2024.

Sebelum penubuhan IDB VMAT, NBD juga terlibat dalam Pasukan Pemantau Antarabangsa, Mindanao, dari 2004 hingga 2022.

Majlis juga turut diselitkan dengan penyampaian tazkirah bertajuk 'Pengorbanan dan Jasa Dalam Menjaga Keamanan' yang disampaikan oleh Pegawai Turus Gerakan Agama Jabatanrahar Agama ABDB (JAMAAT), Mejar Narulismandy @ Anwar Hadi bin Haji Samaih.

Indeks volum eksport Q1 2024 meningkat 27.8 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Indeks volum eksport Negara Brunei Darussalam (NBD) pada suku pertama (Q1) 2024 meningkat sebanyak 27.8 peratus pada Q1 2024 berbanding tahun sebelumnya, menyebabkan peningkatan jumlah nilai eksport daripada

BND3,783.9 juta kepada BND4,265.3 juta.

Peningkatan indeks volum eksport disumbangkan oleh peningkatan indeks bahan api galian (29.1 peratus), minuman (13.1 peratus) dan jentera dan kelengkapan pengangkutan (8.7 peratus).

Indeks nilai unit eksport pula mencatatkan penurunan sebanyak 0.3 peratus, terutamanya disebabkan oleh penurunan indeks bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan (3.7 peratus), minuman (1.9 peratus) dan makanan (1.4 peratus).

Indeks nilai unit import mencatatkan peningkatan sebanyak 4.9 peratus berbanding tahun sebelumnya, menyebabkan peningkatan jumlah nilai import daripada BND2,258.5 juta kepada BND2,569.4 juta.

Ini adalah disumbangkan oleh peningkatan barang-barang keluaran kilang (21.7 peratus), pelbagai barang keluaran kilang (3.6 peratus) dan bahan api galian (2.9 peratus).

Indeks volum import pada Q1 2024 meningkat sebanyak 2.7 peratus disebabkan oleh barang-barang keluaran kilang (29.5 peratus), bahan api galian (14.8 peratus) dan pelbagai barang keluaran kilang (4.3 peratus).

Indeks Perdagangan Barang Antarabangsa (IMTI) menunjukkan perubahan nilai unit dan kuantiti komoditi import dan eksport di NBD dalam tempoh tertentu.

Indeks berkenaan juga bermanfaat untuk membuat analisa pasaran global yang berdaya saing dalam mengukur dan membuat unjuran inflasi dan penyusunan akaun negara.

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Laporan penuh IMTI bagi Q1 2024 boleh didapati melalui laman sesawang JPES <https://deps.mofe.gov.bn/>.

Suku tahun	Q1 2023	Q1 2024	Perubahan (%)
Jumlah Eksport (BND Juta)	3,783.9	4,265.3	12.7
Indeks Nilai Unit Eksport	144.1	143.6	-0.3
Indeks Volum Eksport	74.4	95.1	27.8

Suku tahun	Q1 2023	Q1 2024	Perubahan (%)
Jumlah Import (BND Juta)	2,258.5	2,569.4	13.8
Indeks Nilai Unit Import	125.8	132.0	4.9
Indeks Volum Import	110.9	113.9	2.7

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun PenggunaBijak



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

- "boleh pecaya kan tu?"
- "mun barang inda sampai, kana mulikan usinku kan ni?"
- "ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"
- "iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

22 WARGA KKBS TERIMA PINGAT KERJA LAMA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir dan seterusnya menyampaikan Pingat Kerja Lama (PKL) kepada para penerima (atas dan kiri).

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Ketua Guru Ugama, Pusat Pembangunan Belia, Awang Haji Masfourteen bin Haji Mohd. Yusof.

Pengurniaan PKL tersebut adalah sebagai memberikan pengiktirafan dan penghargaan bagi warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya atas sumbangan dan jasa bakti mereka kepada raja, negara dan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah jabatan dan bahagian serta para pegawai dan kakitangan KKBS.

Dialog Belia : Landasan belia ke arah mencipta masa depan mampan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dialog Belia Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahun Kali Ke-2.

TUNGKU LINK, Khamis, 27 Jun. - Dasar Belia Negara adalah bertujuan untuk membangunkan belia bertaraf dunia dan ejen perubahan yang sedia masa hadapan.

Inisiatif tersebut adalah ke arah yang betul dan selaras dengan Wawasan Brunei 2035 kerana ia terus mengiktiraf peranan penting belia hari ini dalam mencapai matlamat negara. Oleh itu, adalah penting untuk para belia bersedia dengan secukupnya, memacu dan memimpin negara ke arah pembangunan mampan dan pembinaan negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menekankan demikian semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dialog Belia Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahun Kali Ke-2, yang diadakan di Bilik Bicara Minda, Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Justeru itu, Dialog Belia tegas Yang Berhormat, bukan sahaja memfokuskan kepada Matlamat SDGs Ke-12 iaitu Penggunaan dan

Pengeluaran Bertanggungjawab akan tetapi ia sebagai landasan bagi para belia meneruskan perjalanan ke arah mencipta masa depan yang mampan.

Ke arah mencapai matlamat ini tambahnya lagi, memerlukan usaha bersama dari semua lapisan masyarakat dan dengan penyertaan aktif para belia membuktikan bahawa negara bersedia memupuk usaha kerjasama dengan pihak berkepentingan dari seluruh dunia untuk mencapai masa depan yang mampan.

"Saya faham Kohort Ke-2 diberikan tumpuan bagi projek berkaitan SDG 12 - Bertanggungjawab Penggunaan dan Pengeluaran. Ini menunjukkan bahawa belia kita di Brunei bukan sahaja menyedari tentang isu-isu mendesak yang dihadapi planet kita tetapi juga bersedia untuk mengambil langkah yang boleh diambil tindakan ke arah mewujudkan masa depan yang mampan," ujar Yang Berhormat lagi.

Majlis kemudian menyaksikan pengumuman pemenang-pemenang BIBD Youth Sustainability Leader Award 2023

iaitu bagi kategori BIBD Most Inspiring Male Youth Sustainability Leader Award dimenangi oleh Awang Muhammad Rianulaiman bin Mohammad Yazid, diikuti kategori BIBD Most Inspiring Female Youth Sustainability Leader Award dimenangi oleh Dayang Nabilah Assyahirah binti Norman dan Best Overall BIBD Youth Sustainability Project disandang oleh Vil-Laju! Brunei.

Penyampaian anugerah-anugerah berkenaan disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis Penutup Dialog Belia Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahun Kali Ke-2 diadakan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Sekretariat Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan (JKPK) Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahun (Sustainable Development Goals - SDGs) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE).

Dialog ini dijalankan oleh Majlis Belia Brunei dan Green Brunei dengan dukungan United Nations Resident Coordinator Office (UNRCO) dan United Nations Development Programme (UNDP) for Malaysia, Singapore and Brunei Darussalam, berlangsung selama empat hari mulai 24 Jun 2024, disertai seramai 60 belia terdiri daripada penuntut-penuntut pengajian tinggi.

Dialog menumpukan kepada Matlamat SDG Ke-12 iaitu Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab, iaitu komitmen negara ke arah mentransformasi pengeluaran dan penggunaan barang dan perkhidmatan yang bertanggungjawab, memainkan peranan penting dalam mempromosikan penyelesaian dan amalan inovatif bagi melindungi alam sekitar, serta mendukung usaha negara ke arah mencapai SDGs dan Wawasan Brunei 2035.

Bahkan, dialog juga berperanan bagi memperkasa para belia sebagai generasi pemimpin akan datang untuk lebih memahami kepentingan penggunaan dan pengeluaran barang dan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

perkhidmatan dengan lebih bertanggungjawab, di samping menggalakkan sumbangan idea yang kreatif, penyelesaian amalan mampan yang inovatif, dan mewujudkan sistem yang mendukung keseimbangan ekologi jangka panjang.

Pelbagai aktiviti diadakan termasuk perkongsian berhubung bidang-bidang di bawah Matlamat SDG Ke-12 seperti pengurusan sisa, kehidupan mampan, pengeluaran bertanggungjawab dan sisa makanan, yang disampaikan oleh pihak Pejabat Wawasan Brunei, JPM dan wakil daripada UNRCO, UNDP, BIBD, Green Brunei, Biofields Solutions, Etah Studio, Zero Waste Brunei, dan EnEvo Sendirian Berhad.

Para peserta juga berpeluang untuk mengikuti lawatan sambil belajar ke tapak pelupusan sampah Sungai Paku, Kawan Bumi dan Biofields Solutions.

Di samping itu, para peserta turut berkesempatan untuk mempelajari aktiviti penghasilan semula interaktif (*interactive upcycling activities*) yang dikendalikan oleh Etah Studio dan Green Brunei, yang mendedahkan mereka kepada pendekatan kreatif gaya hidup mampan.

Bukan itu sahaja, para peserta juga dilatih untuk mencetuskan idea projek yang menyumbang kepada Matlamat SDG Ke-12 dengan bimbingan para mentor yang berpengalaman daripada BIBD, RAB Global Green Sdn. Bhd., Shell LiveWIRE Brunei, Tebalik Plastik dan Young Entrepreneurs Association of Brunei (YEAB).

Di sepanjang program ini berlangsung, para peserta telah menunjukkan semangat yang gigih, kreativiti yang tinggi dalam menyumbang idea berinovatif dan berdedikasi bagi membangunkan projek yang memberikan impak dan bermakna.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Wawasan) JPM; Naib Canselor UBD; Pengarah Urusan BIBD; dan wakil daripada agensi kerajaan, BIBD dan UBDSBE.

NIKMATI PELBAGAI PRODUK PREMIUM, BERKUALITI DARI THAILAND



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Kedutaan Diraja Thailand dengan kerjasama Department of International Trade Promotion in Kuala Lumpur,

PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam hadir pada perasmian Pesta Besar Thailand 2024.

2024, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai.

Kedutaan Diraja Thailand di NBD telah menganjurkan TGF yang pertama pada CF yang telah diadakan pada tahun 2009.

Pada tahun ini, TGF membuat kemunculan semula yang menakjubkan bagi meraikan majlis istimewa Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik antara Thailand dan NBD.

Para pengunjung TGF dapat menikmati dan membeli pelbagai produk premium dan berkualiti tinggi dari Thailand seperti makanan ringan, kosmetik, barang kemas, sutera Thailand, dan barang kraf tangan daripada lebih 20 pengedar tempatan yang mantap

dan pengimport tempatan seperti Hong Guan (Koon Kee), Aiking Trading, Kian be Company, PPco, Uni Star Company, The Embassy Enterprise, Entrade Sdn. Bhd., MMZ. Low Trading dan lain-lain.

Beberapa syarikat ejen pelancongan tempatan juga menyertai pesta tersebut dengan tujuan mempromosi pakej-pakej istimewa untuk melancong ke tempat-tempat menarik yang ada di Thailand.

Selain itu, pertunjukan memasak makanan Thailand dan teknik mengukir buah-buahan dan sayur-mayur juga diadakan di sepanjang lima hari pesta berlangsung.

Orang ramai bolehlah berkunjung ke TGF 2024 untuk mendapatkan promosi dan produk-produk terkini dari Thailand.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Pesta Pengguna (Consumer Fair - CF) kembali lagi bagi Edisi Ke-29, dengan pelbagai pilihan produk beraneka barang, perkhidmatan dan makanan bagi memenuhi cita rasa para pengunjungnya bermula hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Perasmianya disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Terdahulu, dalam ucapan yang disampaikan oleh Ketua

Komunikasi Korporat di D'Sunlit, Chui San Ting antara lain berkongsi harapan dan matlamat CF Ke-29 agar lebih cerah pada masa akan datang, yang juga menandakan permulaan CF yang menjurik untuk mentakrifkan semula pengalaman membeli-belah bagi para pengunjung.

Edisi kali ini menampilkan sebanyak 580 vendor, dengan sebilangan besar vendor asing dari Singapura, Malaysia, Indonesia, India dan Thailand, yang menyumbang kepada kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang terkini.

Dengan bertemakan 'Back From

SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merasmikan Pesta Pengguna (Consumer Fair - CF) bagi Edisi Ke-29.

The Future', CF Ke-29 mengambil konsep yang aneh di mana sebuah keluarga dari masa depan iaitu dari tahun 2124 mendapat diri mereka terkandas pada tahun 2024 selepas mesin masa mereka tidak berfungsi.

Ansuran ini bertujuan untuk menyalakan rasa keseronokan dan rasa ingin tahu dalam kalangan para pengunjung di mana mereka boleh melibatkan masa depan pada masa depan, menemui penyelesaian dan produk yang boleh meningkatkan kehidupan mereka.

Antara yang menjadi acara utama juga ialah sorotan khas pelancaran CF 2025.

Ini menandakan komitmen penting untuk meneruskan rancangan pada masa depan bagi CF yang seterusnya.

Babak masa depan ini akan mengubah acara ke dalam sebuah sudut untuk kepelbagaian ekonomi dan isyarat bagi perdagangan dan kerjasama.

Kerjasama antara semua pihak menjanjikan kandungan diperkaya dan peluang yang lebih besar untuk CF 2025.

Dalam semangat tanggungjawab alam sekitar, orang ramai digalakkan untuk membawa beg yang boleh diguna semula untuk semua keperluan membeli-belah di sepanjang pesta diadakan.

Beg kitar semula edisi CF juga ada dijual bagi memudahkan lagi para pengunjung yang terlupa untuk membawa beg sendiri.

Dengan pelbagai pameran dan penyertaan antarabangsa, CF Ke-29 bersedia untuk menjadi hab innovasi dan penglibatan pengguna.

Salah satu kemuncak pesta ialah Hadiah Utama Cabutan



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Bertuah yang dinanti-nantikan iaitu sebuah Toyota Vios yang ditaja oleh Toyota Brunei - NBT (Brunei) Sdn. Bhd.

Selain itu, Pesta Besar Thailand (Thailand Grand Fair) turut mengambil tempat pada CF kali ini yang menampilkan produk-produk dari Thailand termasuk buah-buahan dan sebagainya.

Turut hadir, Pengurus Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei, Pengiran Aki Ismasufian

bin Pengiran Haji Ibrahim, dan Thomas Koh, mewakili Majlis Perniagaan BIMP-EAGA Brunei.

CF Ke-29 dibuka bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali Jumaat akan ditutup sementara dari jam 12.00 tengah hari sehingga 2.00 petang.

Pesta bermula hari ini hingga Ahad, 30 Jun 2024 dan orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir bagi memeriahkan lagi suasana pesta pada kali ini.



ANTARA pengunjung yang hadir pada CF berkenaan (atas, atas sekali kanan dan kanan).



TUNGKU, Rabu, 26 Jun. - Jabatan Perdana Menteri selaku Sekretariat kepada Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan (JKPK) Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals - SDGs) dengan kerjasama Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE), menganjurkan forum dengan tema 'Penggunaan dan Pengeluaran Mampan, Penyelesaian untuk Semua' selama dua hari bersempena Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) 2024.

Sesi Pembukaan Forum Brunei Mampan yang diadakan buat julung kalinya, berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad, selaku Pengerusi JKPK SDGs.

Juga hadir sama, Setiausaha-Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Naib Canselor UBD, Ketua-ketua Jabatan, Pengurus Am, Pengarah-pengarah Urusan dan Pegawai-pegawai Eksekutif dari agensi-agensi yang berkenaan.

Forum turut disertai oleh ahli-ahli panel dan moderator dalam dan luar negara termasuk pihak United Nations Resident Coordinator Office (UNRCO); United Nations Development Programme (UNDP); United Nations Global Compact for Malaysia and Brunei Darussalam (UNGCMYB); Lee Kuan Yew School of Public Policy, Singapore; Malaysia Green Technology and Climate Change; dan RMIT

University Melbourne Corporation. Pengiran Hajah Siti Nirmala dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan Matlamat SDGs Ke-12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab) yang difokuskan dalam forum itu kepada pembangunan mampan yang memerlukan pilihan penggunaan dan pengeluaran yang bijak daripada setiap lapisan masyarakat.

Tambahnya, pengendalian forum adalah sebagai komitmen ke arah mengubah kaedah pengeluaran dan penggunaan barang dan perkhidmatan yang bertanggungjawab, yang memainkan peranan penting dalam mempromosikan penyelesaian dan inovatif yang melindungi alam sekitar.

Dalam pada itu katanya, adalah penting untuk mengekalkan momentum dalam mempercepatkan kemajuan terhadap SDG 12 dan menggalakkan para peserta untuk mengaplikasi idea-idea transformatif dan menyepakukan kemampaman dalam kehidupan sehari-hari bagi mendukung usaha negara mencapai SDGs dan Wawasan Brunei 2035.

Sementara itu, Ahli MMN, Yang Berhormat Hajah Rosmawatty, dalam ucaptamanya, menyambut baik tema forum yang memfokuskan kepada SDG 12.

Yang Berhormat menekankan penggunaan dan pengeluaran adalah penting dalam kehidupan sehari-hari masyarakat dan memerlukan membuat keputusan yang bijak terhadap pembelian, penggunaan produk-produk dan pembuangan yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat juga menyeru masyarakat perlu berani, kreatif dan menerima pendekatan baharu serta perubahan mindset untuk mencari penyelesaian menuju masa depan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Pembukaan Forum Brunei Mampan. Turut hadir, Setiausaha Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi JKPK SDGs.

yang lebih mampan.

Pentingnya kerjasama dari semua sektor dan lapisan masyarakat turut ditekankan untuk mencapai impak yang lebih bermakna, di mana komitmen ini juga merangkumi penglibatan Ahli-ahli MMN yang aktif dalam meningkatkan kesedaran dan memajukan SDGs melalui usaha-usaha kebangsaan dan pelbagai hala.

Yang Berhormat mengakhiri ucapan tama dengan melahirkan harapan bahawa Forum Brunei Mampan akan dapat memupuk usaha kerjasama untuk mencapai masa depan yang mampan bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pada hari pertama forum, para peserta mendengarkan pembentangan dan perbincangan mengenai penggunaan dan pengeluaran mampan yang merangkumi trend kebangsaan, serantau dan global, kemajuan, cabaran dan peluang untuk

penambahbaikan.

Perspektif kerajaan menampilkan dialog peringkat tinggi mengenai pendekatan negara dalam pengeluaran mampan melalui peralihan tenaga, pengurusan sumber asli yang mampan dan perlindungan alam sekitar.

Perbincangan dari sudut pandangan pengguna membincangkan tingkah laku pengguna dan strategi-strategi untuk mendidik serta mempengaruhi pengguna ke arah produk-produk yang lebih mesra alam dan mampan.

Sementara, perbincangan sektor swasta tertumpu kepada amalan perniagaan yang sejajar dengan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environmental, Social and Governance - ESG).

Antara lain objektif utama Forum Brunei Mampan ialah untuk menyediakan platform bagi pegawai kanan serta pakar tempatan dan

luar negara daripada agensi kerajaan, institusi akademik, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan belia untuk bertukar pengalaman dan membincangkan penyelesaian kreatif, praktikal dan mampan bagi mempercepatkan lebih banyak kemajuan dalam pelaksanaan SDGs, terutama Matlamat Ke-12.

Forum berkenaan diharap dapat meningkatkan kesedaran tentang amalan mampan dan menerapkan budaya serta sikap mampan dalam kalangan masyarakat di NBD.

Forum Brunei Mampan merupakan inisiatif oleh JKPK SDG bagi mengumpulkan input strategik dan komprehensif dalam penyediaan pelan tindakan untuk memajukan SDG 12.

Untuk maklumat berkenaan SDGs Negara Brunei Darussalam, layari laman sesawang <https://www.sdgbrunei.gov.bn> dan ikuti di Instagram @sdgbrunei.

PAMERAN KERJAYA UBD TAWAR LEBIH 300 PEKERJAAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Jumaat, 28 Jun. - Pameran Kerjaya Universiti Brunei Darussalam (UBD) 2024 mengetengahkan lebih 40 pemamer (exhibitors) terdiri daripada pelbagai sektor di negara ini yang menawarkan lebih 300 pekerjaan secara sepenuh masa, sambilan dan juga latihan amali (*internship*).

Bertemakan 'Your Next Quest Awaits', ia mencerminkan dedikasi dalam membimbing para pelajar dalam perjalanan pembangunan kerjaya mereka.

Dengan meningkatkan kemahiran insaniah dan menawarkan pendedahan meluas kepada peserta pameran yang mengambil bahagian, pameran bertujuan untuk memperkasakan pengunjung untuk melangkah keluar dari zon selesa

mereka, meluaskan pangkalan pengetahuan mereka dan meneroka peluang-peluang kerjaya.

Sehubungan itu, para graduan terutamanya pencari-pencari kerjaya dialu-alukan untuk mengambil peluang ini dan berkunjung ke Pameran Kerjaya tersebut yang akan berjalan dari 28 hingga 30 Jun 2024 bermula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Dianjurkan oleh Pusat Rangkaian, Pekerjaan dan Latihan Kerjaya UBD (UBD CoNECT) dengan kerjasama Pejabat Perhubungan dan Kemajuan Alumni UBD (UBD OARA), Pameran Kerjaya UBD 2024 itu dirasmikan pagi tadi oleh Setiausaha Tetap (Pengajaran Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad, berlangsung di Dewan Canselor UBD.



Pelbagai peluang dan aktiviti disediakan semasa Pameran Kerjaya Kali Ke-9 ini, yang dapat membantu menyokong lagi pertumbuhan profesional dan kebolehpasaran individu.

Organisasi-organisasi yang menyertai pameran kali ini menyediakan banyak prospek yang menarik untuk pelajar dan graduan pengajaran tinggi sambil mereka meneroka peluang pekerjaan, memperoleh pandangan berharga tentang pelbagai organisasi dan meningkatkan kemahiran rangkaian mereka.

Salah satu acara kemuncak Pameran Kerjaya ialah temu duga secara terbuka mengenai kosongan jawatan yang dijalankan oleh peserta pameran, untuk pelajar, graduan dan pencari kerja.

Dalam pada itu, UBD CoNECT juga menawarkan sokongan dengan menyediakan penilaian Curriculum Vitae (CV) dan tip temu duga untuk membantu bakal pekerja membuat persediaan.

Terdahulu, dalam ucapan pada perasmian Pameran Kerjaya tersebut, Dr. Haji Azman mengetengahkan mengenai aplikasi CareerBN, sebuah portal pekerjaan dalam talian yang dikuasakan oleh Kecerdasan

SETIAUSAHA Tetap (Pengajaran Tinggi) Kementerian Pendidikan semasa melawat salah satu pameran yang berlangsung di Dewan Canselor UBD.

SETIAUSAHA Tetap (Pengajaran Tinggi) Kementerian Pendidikan semasa berucap pada majlis berkenaan.

Buatuan (AI) dan dibangunkan oleh Pusat Pengajaran Sains Digital UBD, yang menampilkan perkhidmatan pemanduan pekerjaan yang unik dan tapisan untuk graduan dan perekrut.

Para pencari kerja dan majikan adalah dialu-alukan untuk mendaftar CareerBN semasa acara tiga hari itu. Aplikasi tersebut kini boleh dimuat turun secara percuma melalui Apple App Store dan Google Play Store dan maklumat lanjut boleh didapat di petak CareerBN No. 4 atau dengan melayari laman sesawang rasmi www.careerbn.com.

Turut diadakan serentak semasa Pameran Kerjaya tersebut ialah Kempen Derma Darah bertempat di bahagian bawah Dewan Canselor UBD.

Sesi derma darah dijadualkan bermula dari jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang pada 28 Jun 2024 dan dari 10.00 pagi hingga 3.00 petang pada 29 Jun 2024. Inisiatif ini memberi peluang kepada peserta untuk menyumbang kepada tujuan yang berfaedah semasa menghadiri pameran itu.

Di luar penerokaan kerjaya, Pameran Kerjaya UBD 2024 juga menawarkan peserta pameran peluang unik untuk mengalami persekitaran semula jadi di negara



ini dan kecemerlangan penyelidikan. Pempamer mempunyai pilihan untuk menyertai rombongan untuk melawat Pusat Penyelidikan Botani UBD (UBD BRC), taman botani pertama di Negara Brunei Darussalam.

Lawatan BRC UBD mempamerkan penyelidikan UBD mengenai biodiversiti dan pemuliharaan, sambil menawarkan rasa Madu Kelulut (lebah tanpa sengat) yang unik. Untuk maklumat terkini mengenai Pameran Kerjaya UBD 2024, boleh melayari UBD CoNECT di Instagram @ubd.connect.

Sebarang pertanyaan juga boleh diajukan kepada Sekretariat Pameran Kerjaya di ubdcareerfair@ubd.edu.bn atau Pejabat UBD CoNECT di [office.cnect@ubd.edu.bn](mailto:cnect@ubd.edu.bn) atau melalui talian WhatsApp Pameran Kerjaya UBD (+673 8278118) semasa waktu bertugas.

FORUM KEBUDAYAAN BELIA ASEAN TUTUP TIRAI



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan penyerahan Bendera ASEAN yang disampaikan oleh Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) kepada Universiti Chulalongkorn, Thailand yang akan menjadi negara tuan rumah forum 2025 (atas dan atas kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto: Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Khamis, 27 Jun. - Forum Kebudayaan Belia ASEAN Ke-19 dan ASEAN +3 Ke-9 yang berlangsung bermula 24 Jun lepas, di Dewan BRIDEX ditutup hari ini dengan penyerahan simbolik Bendera ASEAN kepada negara tuan rumah bagi Forum Kebudayaan Belia ASEAN Ke-20 dan ASEAN +3 Ke-10, 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan penyerahan Bendera ASEAN berkenaan, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) ementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Penyerahan Bendera ASEAN disampaikan oleh Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hazri bin Haji Kifle

kepada Universiti Chulalongkorn, Thailand yang akan menjadi negara tuan rumah forum 2025.

Terdahulu, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Global), UBD, Dr. Joyce Teo Siew Yean, dalam ucapan penutupnya antara lain mengongsikan, sejak lima hari lalu, UBD telah menyaksikan sambutan sebenar pertukaran budaya, persahabatan dan pembelajaran.

"Para peserta muda bukan sahaja memamerkan bakat luar biasa mereka tetapi juga menyelami perjalanan penemuan dan pertumbuhan yang akan kekal bersama mereka sepanjang hayat," ujarnya.

Majlis turut diserikan lagi dengan Persembahan Kebudayaan daripada delegasi 20 universiti anggota Rangkaian Universiti-universiti ASEAN (AUN) termasuk tujuh rakan kongsi dari negara-

negara ASEAN +3. Acara tahunan berkenaan ditubuhkan sejak 2003 bersama universiti-universiti anggota AUN daripada 10 buah Negara Anggota ASEAN dan dikembangkan kepada ASEAN+3 dengan delegasi dari China, Jepun dan Korea pada 2012.

Program berkenaan menawarkan campuran yang kaya pengalaman kebudayaan termasuk bengkel komunikasi merentas budaya, kepimpinan dan pembangunan kemahiran artistik dalam bidang-bidang seperti seni mempertahankan diri Negara Brunei Darussalam, teater, muzik tradisional dan sesi mengenai kepelbagaiannya bahasa.

Di samping itu, program berkenaan juga merangkumi pelbagai aktiviti termasuk kuliah akademik, lawatan kampus, Bazar Kebudayaan dan Seni ASEAN, lawatan sosial dan pendidikan, pengembaraan serta bengkel.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha



MAJLIS turut diserikan lagi dengan Persembahan Kebudayaan.

Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsafeloh; dan Pengarah Eksekutif AUN, Dr. Choltis Dhirathiti.

3 pasukan negara sertai Shell Eco-marathon Asia



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan dan Naib Canselor UTB hadir bagi mengucapkan selamat baylor kepada tiga pasukan tempatan yang meninggalkan negara bagi menyertai Shell Eco-marathon (Asia Pasifik dan Timur Tengah) yang akan diadakan di Pertamina Mandalika International Street Circuit di Lombok Indonesia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 28 Jun. - Tiga pasukan tempatan masing-masing mewakili Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Politeknik Brunei (PB) berlepas meninggalkan negara bagi menyertai Shell Eco-marathon (Asia Pasifik dan Timur Tengah) yang akan diadakan di Pertamina

Mandalika International Street Circuit di Lombok Indonesia dari 2 hingga 7 Julai 2024 ini.

Hadir bagi mengucapkan selamat baylor di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh dan Naib Canselor UTB, Datin Paduka

Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Sebelum berlepas, Doa Selamat dibacakan oleh Pengetua PB, Awang Haji Mohd. Jaafar bin Haji Johari.

Shell Eco-marathon merupakan pertandingan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa yang mencabar pelajar dari

seluruh dunia untuk menggunakan kemahiran mereka dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk mereka bentuk, membina dan memandu kendaraan ultra cekap tenaga.

Tahun ini, kira-kira 1,000 pelajar daripada 85 pasukan yang mewakili 12 negara di seluruh Asia Pasifik dan Timur Tengah bertanding.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Seramai 25 pelajar Negara Brunei Darussalam (NBD) dari UBD, UTB dan PB akan menunjukkan kehebatan kejuruteraan mereka dan memperkenalkan reka bentuk inovatif mereka di pentas global ini.

Pertandingan menampilkan dua kategori kendaraan utama, Prototaip dan Konsep Urban di mana setiap kategori termasuk tiga subkategori sumber tenaga, Bateri Elektrik, Sel Bahan Api Hidrogen dan Enjin Pembakaran Dalaman. Ketiga-tiga pasukan negara bertanding di peringkat utama Kategori Kendaraan Prototaip dan Subkategori Bateri Elektrik.

Melalui ujian yang ketat dan proses reka bentuk berulang, pasukan telah mereka bentuk kendaraan mereka dengan teliti untuk mencapai kecekapan tenaga yang optimum, sejarai dengan matlamat persaingan untuk menolak sempadan inovasi dalam teknologi pengangkutan dan usaha global ke arah kemampanan.

Penyertaan ini juga menyerlahkan dedikasi NBD untuk memupuk bakat STEM dan menggalakkan pembangunan mampan di rantau ini.

DOA SELAMAT DIJAUHKAN ANASIR DADAH



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 28 Jun. - Sambutan Hari Antarabangsa Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram

disambut pada 26 Jun pada tahun ini.

Bagi meraikan dan memperingati sambutan tersebut, Biro Kawalan

BIRO Kawalan Narkotik semasa menganjurkan Majlis Sembahyang Berjemaah Fardu Subuh dan Membaca Surah Al-Kahfi seterusnya bacaan Doa Selamat bagi Negara Brunei Darussalam agar dijauhkan daripada anasir dadah, yang diadakan serentak di masjid-masjid utama di semua daerah (kiri, kanan, bawah kiri dan bawah kanan).

Narkotik (BKN) menganjurkan Majlis Sembahyang Berjemaah Fardu Subuh dan Membaca Surah Al-Kahfi seterusnya bacaan Doa Selamat bagi Negara Brunei Darussalam agar dijauhkan daripada anasir dadah, yang diadakan serentak di masjid-masjid utama di semua daerah, hari ini.

Di Daerah Brunei dan Muara, sambutan diadakan di Masjid Ash-Shaliheen dan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah BKN, Awang Zainol Adi bin Haji Jamain. Turut hadir, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan warga kerja BKN.

Manakala di Daerah Tutong, sambutan diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; di Daerah Temburong berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar dan di Daerah Belait diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik



Pelancaran plak sempena Jubli Intan ISB



PENGERUSI Lembaga Pengarah ISB, Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyempurnakan perasmian plak berkenaan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 28 Jun. - Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) baru-baru ini melancarkan plak yang mempermerlukan Ulang Tahun Ke-60 sekolah berkenaan.

Perasmian plak berkenaan telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah ISB, Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Turut hadir daripada Lembaga Pengarah ISB ialah Nicholas King; Timbalan Pengerusi Lembaga, Roy David Kurian, Jorge Vega dan Wong Chin Toon.

Juga hadir Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley; dan Pengurus Besar ISB, Vienna Law serta pasukan pengurusan kanan dan kakitangan pentadbiran ISB.

"Dalam mencapai pencapaian bersejarah Jubli Intan ISB, kami amat berterima kasih kepada komuniti kami yang sepanjang tahun telah menyokong ISB dan memainkan peranan penting dalam membina persekitaran yang menyokong dan inklusif sekolah kami."

"Komited terhadap misi kami untuk memberi inspirasi kepada minda, membentuk nilai dan membina masa depan, ISB berbangga menjadi mercu tanda kecemerlangan pendidikan," kata Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad.

Dalam menandakan peristiwa penting berkenaan, Logo Ulang Tahun Ke-60 ISB menggabungkan sejarah dan kemajuan sekolah dan merangkumi kebersamaan dan perjalannya, masa lalu dan masa kini, serta komitmen sekolah untuk memupuk setiap kanak-kanak untuk menjadi pembuat perubahan masa depan yang berfikiran global.

RПPI (PERUBAHAN % TAHUN-KE-TAHUN)



2023.

Harga tengah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND278,000; bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND246,000; bagi rumah teres adalah BND220,000; dan bagi pangsapuri adalah BND235,000.

Pengiraan RPPI adalah menggunakan harga tengah dan bukan harga purata kerana harga tengah tidak mudah terjejas oleh harga harta tanah yang luar biasa dalam suatu tempoh masa.

Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian harta tanah persendirian pada Q1 2024 adalah yang terletak di Daerah Brunei dan Muara (66 harta tanah), diikuti oleh Daerah Tutong (sembilan harta tanah), dan Daerah Belait (enam harta tanah).

Sehubungan ini, lima buah Mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi bagi Q1 2024 adalah Mukim Sengkurong, Mukim Kilanas, Mukim Gadong, Mukim Lumapas, dan Mukim Mentiri.

Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana harta tanah kerana harga harta tanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antara lainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.

Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman sesawang BDCB www.bdcb.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari semasa ke semasa melalui akaun Instagram BDCB [@centralbank.brunei](https://www.instagram.com/centralbank.brunei).

Forum Brunei Mampan tutup tirai



TUNGKU LINK, Khamis, 27 Jun. - Bersempena Sambutan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun (MYCE) Brunei, Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Sekretariat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals - SDG), dengan kerjasama Sekolah Perdagangan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE), telah menganjurkan



Forum Brunei Mampan. Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil bagi peserta-peserta yang telah menghadiri Bengkel Sustainab'all ESG Start Program telah diadakan di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh Pengurus Besar TotalEnergies EP (Brunei) B.V, Mr. Jerome Saniez.

Program anjuran TotalEnergies EP (Brunei) B.V itu, telah dilancarkan pada 26 Februari 2024, yang melengkapkan 19 buah syarikat dengan pengetahuan, sumber dan alat untuk menilai prestasi mampan mereka yang sedia ada, dan untuk memetakan matlamat mampan masa depan.

Terdahulu itu, Pengurus Besar TotalEnergies EP (Brunei) B.V, Mr. Jerome Saniez dalam ucaptamanya antara lain berkata, melalui program berkenaan, para peserta telah dilengkapkan dengan pelan tindakan mampan masing-masing yang akan berfungsi sebagai dokumen panduan ke arah penerapan amalan lestari dalam perniagaan mereka.

Sementara itu, dalam

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

pembentangan ucaptama yang disampaikan oleh Pengarah Institut Serantau untuk Kelestarian & Peralihan Tenaga, Bureau Veritas Singapura, Mr. Yeoh Eng Yew, antara lain mengongsikan mengenai pendekatan terbaik untuk menerima pakai kemampuan daripada sektor swasta mengenai pemahaman mereka tentang faedah pendekatan ESG dan rancangan masa.



PENGURUS Besar TotalEnergies EP (Brunei) B.V, Mr. Jerome Saniez semasa hadir dan berucap pada Bengkel Sustainab'all ESG Start Program (atas sekali kanan dan atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

FORUM KERJAYA UBD : PELUANG KONGSI TENTANG PASARAN PEKERJAAN GLOBAL



PEMANGKU Penolong Naib Canselor (Korporat dan Pentadbiran), UBD, Dayang Hajah Maudena binti Haji Abdul Hamid hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Kerjaya UBD 2024.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Khamis, 27 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Forum Kerjaya UBD 2024 hari ini yang berlangsung di Teater Kuliah 2, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), UBD.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Penolong Naib Canselor (Korporat dan Pentadbiran), UBD, Dayang Hajah Maudena binti Haji Abdul Hamid.

Dengan tema 'Become Beyond', forum berkenaan bertujuan untuk memberi pandangan mendalam tentang pasaran pekerjaan global yang berkembang, menekankan kepentingan untuk melangkah

keluar dari zon selesa seseorang dan berusaha untuk aspirasi kerjaya yang lebih tinggi.

Ansuran kedua Forum Kerjaya berkenaan menampilkan penceramah Alumni UBD yang kini sedang membuat kemajuan yang ketara dalam kerjaya mereka di luar negara.

Forum berkenaan dikendalikan oleh Dr. Aida Syahirah binti Awang Haji Aji, Alumni UBD Kelas 2019, Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan dalam Perubatan,

seorang doktor perubatan di Kementerian Kesihatan, yang aktif membantu belia dan masyarakat Brunei dalam mencapai kehidupan yang bercita-cita tinggi dan

bermatlamat.

Forum berkenaan disampaikan dalam format hibrid, dengan dua daripada penceramah alumni mengambil bahagian melalui tele-persidangan (*tele-conferencing*) dari negara masing-masing, manakala penceramah dan penonton hadir secara fizikal di UBD.

Antara penceramah yang menghadiri secara dalam talian ialah Hiro Tien, Kelas Alumni UBD 2014, Sarjana Muda Perniagaan dalam Perakaunan dan Kewangan; pengasas dan pelabur yang berpangkalan di Silicon Valley yang kini ditempatkan di California, Amerika Syarikat.

Sementara Gary Goh, Kelas Alumni UBD 2014, Sarjana Muda Perniagaan dalam Perakaunan dan Kewangan, seorang profesional rantaian bekalan dan logistik berpengalaman di SCTSB Sdn. Bhd., anak syarikat Sumitomo yang berpangkalan di Qatar.

Manakala, Aishah Helena Shariff, Kelas Alumni UBD 2015, Sarjana Muda Sains Geologi; Kelas Alumni UBD 2018, Sarjana Sains dalam Geosains, Pembangun Algoritma yang berjaya di White Space Solutions di Belanda; dan Rafidah Ramli, Alumni Kelas UBD 2020, Sarjana Pentadbiran Perniagaan, seorang profesional Sumber Manusia berpengalaman di Bank Pembangunan Islam (IDB) di Jeddah, Arab Saudi.

Forum berkenaan dihadiri oleh pelajar dari UBD dan institusi pengajian tinggi lain, Alumni UBD, serta orang awam.

Di sebalik cabaran yang ditimbulkan oleh zon masa yang

berbeza untuk penceramah antarabangsa, forum berkenaan juga berjaya menyampaikan mesej penting yang memberi inspirasi kepada peserta untuk bercita-cita melangkaui zon selesa mereka melalui pengalaman dan perjalanan kerjaya yang dikongsi oleh para alumni.

Melalui forum berkenaan, para peserta berpeluang berinteraksi dengan penceramah, memupuk hubungan bermakna sambil mengembangkan rangkaian mereka.

Forum berkenaan dapat memberi inspirasi dan kaitan praktikal, melahirkan rasa terima kasih atas peluang untuk mendengar daripada alumni yang berjaya dan mendapat perspektif baharu tentang kerjaya masa depan mereka.

Forum berkenaan juga turut menekankan komitmen UBD untuk memupuk bakat dan menyediakan pelajar untuk tenaga kerja yang dinamik dan berdaya saing.

UBD berharap untuk 'Bersama Masa Depan' dengan pelajar dan

alumnya dengan meneruskan tradisi menganjurkan acara yang memberi impak yang menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan profesional mereka.



SEKITAR Forum Kerjaya UBD 2024 yang berlangsung di Teater Kuliah 2, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), UBD (atas dan bawah).



MEMBENTUK KAPASITI TINDAK BALAS WABAK PATOGEN AMR



KEMENTERIAN Kesihatan semasa menganjurkan Bengkel Latihan AMR (Antimicrobial-Resistant) Outbreak Response in Hospital Settings dan Bengkel Pemantauan Penggunaan Antimikrob (AMC) di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Kementerian Kesihatan telah menganjurkan Bengkel Latihan AMR (Antimicrobial-Resistant) Outbreak Response in Hospital Settings dan Bengkel Pemantauan Penggunaan Antimikrob (AMC) di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail.

'Framework for Accelerating Action to Fight Antimicrobial Resistance in the Western Pacific Region' telah disahkan oleh Negara-negara Anggota pada 2019 dan membimbing negara-negara dalam melaksanakan

penyelesaian yang mampan dan berpandangan ke hadapan, berdasarkan penyertaan daripada semua sektor masyarakat.

Berpandukan rangka kerja ini dan visi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk bekerjasama dengan Negara-negara Anggota dan rakan kongsi di Pasifik Barat, 'For the Future: Towards the Healthiest and Safest Region', meletakkan keselamatan kesihatan termasuk AMR sebagai salah satu daripada empat keutamaan tematik, Pejabat Wilayah WHO untuk Western Pacific (WPRO) telah menyokong Negara-negara Anggota untuk memerangi AMR dan mengelakkan kesan jangka panjangnya.

Pengawasan AMR adalah kunci untuk mengesan wabak patogen AMR yang mungkin mengancam

nyawa dan memerlukan tindak balas segera. Ia juga menghasilkan data untuk meningkatkan lagi pengawasan antimikrob dan amalan klinikal, memantau trend dalam jangkitan dan rintangan dan menilai intervensi untuk mengurangkan AMR.

AMR didorong oleh banyak faktor yang kompleks, tetapi penggunaan berlebihan dan penyalahgunaan antibiotik adalah antara punca utama.

Mengukur dan menganalisis pemakaian dan penggunaan antibiotik adalah penting untuk memaklumkan pembangunan strategi yang sesuai untuk meningkatkan penggunaan antibiotik.

Memantau AMC memberikan pandangan dan alat yang diperlukan untuk memaklumkan keputusan terapi, untuk menilai akibat kesihatan awam daripada penyalahgunaan antimikrob dan

untuk menilai kesan campur tangan pembendungan rintangan.

WHO membangunkan Sistem Pengawasan Penggunaan Antimikrob Serantau Pasifik Barat (WPRACSS) yang ditubuhkan untuk menyediakan risikan tempatan tentang AMR kepada negara dan kawasan.

Untuk menyokong keutamaan dalam rangka kerja AMR serantau, WPRO telah menerbitkan *Responding to outbreaks of antimicrobial-resistant pathogens in healthcare facilities : guidance for the Western Pacific Region* dan sedang menyelesaikan *Guidance on establishing national and local AMR surveillance systems in the Western Pacific Region* sebagai tindak balas kepada permintaan daripada Negara Anggota. WHO menyokong pembinaan kapasiti untuk pengawasan AMR, makmal dan tindak balas wabak menggunakan dokumen panduan

ini, untuk membina sistem mampan untuk melawan AMR.

Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk membina lagi kapasiti untuk tindak balas wabak patogen AMR dalam tetapan hospital menggunakan dokumen Bimbangan Serantau WPRO dengan menganjurkan bengkel melatih jurulatih; dan untuk menyokong pembangunan dan pelaksanaan pemantauan AMC di peringkat hospital.

Bengkel dua hari itu melibatkan 40 peserta yang terlibat dalam bidang berkaitan AMR/AMC serta pengurusan wabak yang berpotensi di peringkat hospital, termasuk jururawat Kawalan dan Pencegahan Jangkitan, ketua kejururawatan, doktor yang terlibat dalam menguruskan jangkitan disebabkan oleh organisme tahan multidrug, Pegawai Saintifik dan ahli mikrobiologi dari Makmal Mikrobiologi dan Ahli Farmasi.

Program Literasi Penerangan labuh tirai



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah hadir ke Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Brunei dan Muara (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, para peserta berpeluang mempelajari bahasa isyarat dan aktiviti mobiliti di Pusat Bahagia Pulaie.

BERAKAS, Rabu, 26 Jun. - Program Literasi Penerangan yang disertai seramai 34 belia terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), melahub tirainya dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang diadakan di Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, di sini.

Hadir ke Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Brunei dan Muara ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti

Haji Awang Emzah.

Hari terakhir program pada sebelah pagi dimulakan dengan taklimat bertajuk 'Mental Health Awareness' daripada EMPOWERIOR, yang antara lain menyentuh mengenai kepentingan menjaga kesejahteraan mental.

Program diteruskan lagi dengan lawatan ke Pusat Bahagia Pulaie, di mana para peserta berpeluang mempelajari bahasa isyarat dan aktiviti mobiliti.

Kemudian, pada sebelah petang pula, para peserta mendengarkan

taklimat mengenai 'Menambat Dastar dan Menapih Sinjang' yang dikendalikan oleh Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN).

Selain taklimat, para peserta juga berpeluang menyertai aktiviti menambat dastar dan menapih sinjang dengan bimbingan pegawai JAIN.

Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation and Whole of Government.

Ia antara lain dihasratkan untuk melahirkan para belia berwawasan,

mempunyai jati diri yang kukuh serta memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa

tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.

دعا ممohen كقد الله سقايي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس پاكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ 3 کالی۔

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ 3 کالی۔

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
الْسَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ 3 کالی۔

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رِزْنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرُ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللَّهِ
آخْتَخَنَاهُ وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَاهُ بِنِيَّتِنَا وَأَجْبَرْنَا
وَأَعْتَصَنَاهُ بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَسِيرِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرْصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبَلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَّتِ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ 3 کالی۔

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anjaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذْنَا
سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ
إِلَّا يَادُنْهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يَجِدُهُنَّ شَيْءًا مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعْ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَئُودُهُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini (70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعَقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُفْضِي بِهِ
الْحَوَاجُجُ، وَتَنْالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يع مباوا کبرا و نتو عن ساعت بسر کقد قع عملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَمْيُ يَا قَيْوُمُ، يَرْحَمْتَكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam menganjurkan umatnya agar sentiasa menjaga keselamatan diri, akal, nyawa, harta dan agama seperti mana yang dikehendaki dalam Maqasid Syariah. Dalam pada itu, agama kita juga menganjurkan umatnya agar berikhtiar sedaya upaya menjauhkan diri daripada segala perkara yang boleh merosakkan dan membawa kebinasaan dengan menjaga dan memelihara lima perkara tersebut. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 :

Tafsirnya : "Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan".

Adapun antara perkara yang boleh membawa kepada kerosakan dan kebinasaan itu ialah penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram. Penyalahgunaan

Memperkasa masyarakat masa depan tanpa penyalahgunaan dadah

dan pengedaran dadah haram adalah antara punca kepada berlakunya penyakit sosial yang kian menular dan ia memberi kesan yang boleh merosakkan individu, masyarakat mahupun negara.

Statistik yang direkodkan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN), tangkapan terhadap individu yang telah berkeluarga menunjukkan peningkatan sejumlah 720 kes pada tiga tahun kebelakangan. Ini merupakan masalah serius yang semakin meningkat dalam masyarakat. Beberapa faktor yang menyumbang peningkatan kes penyalahgunaan dadah adalah termasuk faktor sosial, ekonomi, budaya dan individu. Contohnya, tekanan sosial yang tinggi, kurangnya pendidikan, gangguan emosi dan keluarga yang berpecah-belah dapat mempengaruhi seseorang untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Selain itu, kemudahan akses terhadap dadah juga turut serta menyumbang kepada peningkatan kes penyalahgunaan dadah dalam masyarakat. Dadah dapat diperoleh melalui penyaludutan masuk dari sempadan, penjualan dadah dalam talian dan lain-lain. Selain itu, kemerosotan moral dan nilai-nilai sosial dalam masyarakat juga turut menyumbang kepada peningkatan kes penyalahgunaan dadah.

Adapun penyelesaian untuk mengurangkan kes penyalahgunaan dadah dalam masyarakat itu adalah melalui pendidikan awal dan kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah dalam kalangan ahli keluarga, meningkatkan undang-undang dan penguatkuasaan serta memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi masyarakat.

Kerjasama antara pihak berkuasa, masyarakat dan badan bukan kerajaan juga sangat penting dalam usaha untuk mengurangkan peningkatan kes penyalahgunaan dadah dalam masyarakat. Dengan usaha yang bersepada, kita dapat mengatasi masalah peningkatan kes penyalahgunaan dadah dan melindungi generasi masa depan daripada kesan negatif dadah. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 :

Tafsirnya : "Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan

dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya".

Masyarakat cemerlang adalah masyarakat yang mampu menciptakan lingkungan yang aman, sihat dan penuh berkah. Sesungguhnya masyarakat masa depan yang bebas daripada penyalahgunaan dadah adalah masyarakat yang memiliki ciri-ciri berikut :

Pertama : Taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala

Masyarakat tersebut akan mengutamakan ketaatan keada Allah Subhanahu Wata'ala dalam setiap aspek kehidupan mereka. Mereka akan menjalankan ibadah dengan penuh kesedaran dan keikhlasan serta mengikuti ajaran Islam dalam segala hal.

Kedua : Keadilan dan kesejahteraan

Tuntutan Islam juga menyuruh umatnya untuk berperilaku adil, jujur dan bertanggungjawab dalam segala aspek kehidupan. Memperkasa masyarakat untuk menjadi pemimpin yang baik dan berintegriti, yang dapat memimpin dengan adil dan bijaksana sesuai dengan prinsip-prinsip Islam.

Ketiga : Etika dan moral

Masyarakat tersebut akan hidup berdasarkan etika dan moral yang tinggi sesuai dengan ajaran Islam. Mereka akan menjaga kesucian hati dan perilaku serta selalu berusaha untuk berperibadi yang lebih baik.

Keempat : Pendidikan dan pengetahuan

Memberikan perhatian yang besar terhadap pendidikan dan pengetahuan. Mereka akan sentiasa mencari ilmu dan meningkatkan kemampuan mereka untuk berkembang secara intelektual.

Maka bagi melahirkan masyarakat masa depan tanpa penyalahgunaan dadah setentunya memerlukan usaha yang bersepada daripada seluruh lapisan masyarakat. Dengan bersama-sama mengamalkan nilai-nilai Islam dan memberikan sokongan yang mencukupi kepada individu yang terlibat, kita dapat membentuk masyarakat yang bebas daripada penyalahgunaan dadah dan lebih

kukuh dalam mempertahankan nilai-nilai murni Islam.

Dengan mengamalkan ajaran Islam yang lengkap, umat Islam akan dapat membangun masyarakat yang bersih daripada pengaruh negatif dan akan mampu menjaga agama, moral dan kehidupan sosial yang baik sesuai dengan ajaran syariat Islam.

Usaha pembentukan keluarga dan masyarakat yang sejahtera ini merupakan tanggungjawab setiap individu dan keluarga. Sekiranya masing-masing memiliki rasa bertanggungjawab dan melaksanakan amanah masing-masing. Sudah tentulah perkara-perkara negatif yang berlaku dalam kalangan masyarakat seperti penyalahgunaan dadah dan kerosakan moral yang lain dapat dihindari.

Akhirnya, marilah kita sama-sama meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap bahaya penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram serta berusaha mengawal dan mencegah bahaya penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram serta berusaha mengawal dan mencegahnya daripada memusnahkan anak bangsa kita. Oleh yang demikian, masyarakat hendaklah bersatu menentang dan memerangi penyalahgunaan dadah dengan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar iaitu dengan mentaati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa melindungi dan menyelamatkan kita, bangsa dan negara daripada segala perkara-perkara yang keji dan mungkar dan semoga kita akan sentiasa mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan orang-orang mukmin, laki-laki dan perempuan, sebahagian daripada mereka itu menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat yang makruf dan milarang daripada yang mungkar dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan dikurniakan rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana". (Surah At-Tawbah, ayat 81)

Pengemaskinian Alert List BDCB

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB merupakan senarai entiti-entiti (iaitu syarikat dan individu) yang, berdasarkan maklumat yang tersedia kepada BDCB pada masa penerbitan, mungkin atau berkemungkinan telah disalah anggap sebagai dilesenkan atau diberi kebenaran / kelulusan atau dikawal selia oleh BDCB.

Senarai berkenaan adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB terhadap aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa syarikat atau individu yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB bagi Jun 2024 adalah seperti berikut, iaitu Agent Alisya (Mariyah Alisya Maisarah (+673 7265021)), Ahmin Brunei XM Trader (+673 7131468), Azmi

Johan Brunei XM Trader (+673 7144331 / +673 8992810), GatewayMegaLendingLLC, Grand CapitalFX, Izzul Hsb Trader Bn (+673 8651830 / +673 8906521), Orbi_global_limited / Orbi_glo (+673 8977432 / +673 7145990), Public_loan_brunei, Syarikat Azrah (FB Profile / +673 8317313) and +673 8807904.

Alert List BDCB yang telah dikemaskinikan boleh didapatkan di laman sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap syarikat atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berunsurkan skim cepat kaya dan skim piramid.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah kuasa BDCB adalah penukaran wang, pengiriman wang dan pinjaman wang.

Orang ramai juga diingatkan

bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan syarikat atau individu yang tidak dilesenkan atau dikawal selia.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn atau Instagram BDCB @centralbank.brunei untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau e-mel fci@bdcb.gov.bn.





Memperkasa Masyarakat Masa Depan Tanpa Penyalahgunaan Dadah

Khutbah Jumaat Negara Negara Brunei Darussalam pada 21 Zulhijjah 1445H/28 Jun 2024M



Antara beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes penyalahgunaan dadah adalah termasuk faktor: sosial, ekonomi, budaya dan individu

Sebagai contoh:



Tekanan sosial yang tinggi

Keluarga yang berpecah-belah

Kemudahan akses terhadap dadah

Kurang pendidikan

Gangguan emosi

Kemerosotan moral dan nilai-nilai sosial, dll

Antara jalan penyelesaian untuk mengurangkan kes penyalahgunaan dadah:



Pendidikan awal dan kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah di kalangan ahli keluarga



Kerjasama antara pihak berkuasa, masyarakat dan badan bukan kerajaan (NGO)



Memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi masyarakat



Meningkatkan undang-undang dan penguatkuasaan

Sesungguhnya masyarakat masa depan yang bebas dari penyalahgunaan dadah adalah masyarakat yang memiliki ciri-ciri berikut:

Taat kepada Allah SWT dalam setiap aspek



Keadilan dan kesejahteraan:

Berperilaku adil, jujur dan bertanggungjawab dalam segala aspek kehidupan



Etika dan moral:

Hidup berdasarkan etika dan moral yang tinggi sesuai dengan ajaran Islam



Pendidikan dan pengetahuan:

Sentiasa mencari ilmu dan meningkatkan kemampuan untuk berkembang secara intelektual

**PERINGATAN PENTING**

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

Lengkапkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

Lengkapan Kelulusan (keputusan / pangkat kerja subjek / bidang kelulusan)

Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap *Sjpl, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan

Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

Lengkapan Maklumat *Maklumat pentaksiran Pengurusan Perkhidmatan Awam / Satuan-Istihbar / Individu profesional dan lama yang dipersegerai di dalam skrin depan

Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PENOLONG PEGAWAI KEWANGAN TINGKAT II C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2024/JUN/02/KKW	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	02	7(A)	06 JULAI 2024
2. ATENDAN F.2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2024/JUN/03/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	24	7(A)	06 JULAI 2024

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN.



**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Tawaran Kastam**Bil. 08/2024:**

Tawaran Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pembersihan Secara Berkontrak Selama Satu (01) Tahun Bagi Kawasan Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja Dan Kawasan BKPU, Anggerek Desa, Kementerian



Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 16 Julai 2024
Jam 2.00 Petang

**Kenyataan Tawaran**

Bilangan Sebut Harga:
(35) INFO / PK / K / 7 (2024-2025)

Tajuk:

Jemputan Bagi Pakej Persembahan Pentarama Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78, Tahun 2024

Bilangan Sebut Harga:
(36) INFO / PK / K / 7 (2024-2025)

Tajuk:

Jemputan Bagi Persembahan Drama Untuk Program Pentarama Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan



Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
(37) INFO / PK / K / 7 (2024-2025)

Tajuk:

Jemputan Bagi Jamuan Pratonton Pentarama Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78, Tahun 2024

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Khamis, 4 Julai 2024
Jam 8.00 Pagi

**Kenyataan Tawaran****Bilangan Sebut Harga :**

(29) INFO / PK / K / 7
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :

Kerja - Kerja
Membaikpulih Pam Air
Di Bangunan Tambahan
Jabatan Penerangan

Bilangan Sebut Harga :

(39) INFO / PK / K / 7
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :

Kerja - Kerja
Membaikpulih Pam Air
Di Bangunan Tambahan
Jabatan Penerangan

Bilangan Sebut Harga :

(40) INFO / PK / K / 7
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :

Kerja – Kerja
Pembersihan Karpet
Di Sebuah Bilik
Di Bahagian Pelita Brunei,
Bangunan Asal Jabatan
Penerangan

Bilangan Sebut Harga :

(41) INFO / PK / K / 7
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :

Kerja – Kerja
Pembersihan Bangunan Asal
Dan Bangunan Tambahan
Jabatan Penerangan
Berserta Kawasan Sekitarnya

Bilangan Sebut Harga :

(41) INFO / PK / K / 7
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :

Kerja – Kerja
Pembersihan Lantai Dan
Membaki Tandas Orang
Berkeperluan Khas (OBK)
Di Bangunan Asal Jabatan
Penerangan.

Yuran :

Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :

Khamis
4 Julai 2024
Jam 8.00 Pagi



Bilangan Tawaran:
07 / JUN / 2024 / KKBS / PJK /
16.10

Tajuk Tawaran :
Pengubahaan Atap Bagi Kegunaan Tempat Latihan Seni Mempertahankan Diri, Kompleks Sukan Tutong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa, 9 Julai 2024
jam 2.00 Petang

**Tawaran Kastam****Bil. 07/2024:**

Tawaran Bagi Perkhidmatan Repair Work Secara Berkontrak Selama Satu (01) Tahun Untuk Pemeliharaan Bangunan-Bangunan Milik Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 16 Julai 2024,
Jam 2.00 Petang



Tawaran Untuk Berniaga Di Petak Jualan Di Pusat Pasaran, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong

Bilangan :
12 / 2024 & 13 / 2024

Tawaran bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa di Pondok Jualan seperti berikut :-

Lokasi :
Pusat Pasaran,
Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Pondok bagi Bilangan 12 / 2024:
B12

**Pemberitahuan Sebut Harga**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0013 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
General Repair Works For Bungalow House No. G22, Jalan Maharajalela, Pelumpung Muara, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0014 / 2024



Tajuk Sebut Harga:
Repair Works At House No. H3,
Flat A Kg. Sabun, Department
Of Fisheries

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis
11 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
III & IV sahaja

Kategori :
KA01 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 007 / 2024

No. Projek
2024 / 25 JKRTUT / TRM / 2106-01

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Tepi Jalan Raya Di Jalan Utama Dan Kecil Di Daerah Tutong (Zon 1) Bagi Tempoh 24 Bulan

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 008 / 2024

No. Projek
2024 / 25 JKRTUT / TRM / 2106-02

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Tepi Jalan Raya Di Jalan Utama Dan Kecil Di Daerah Tutong (Zon 2) Bagi Tempoh 24 Bulan

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 009 / 2024

No. Projek
2024 / 25 JKRTUT / TRM / 2106-03

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Tepi Jalan Raya Di Jalan Utama Dan Kecil Di Daerah Tutong (Zon 3) Bagi Tempoh 24 Bulan

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 010 / 2024

No. Projek
2024 / 25 JKRTUT / TRM / 2106-04

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Tepi Jalan Raya Di Daerah Tutong (Zon 2) Bagi Tempoh 24 Bulan

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 011 / 2024

No. Projek
2024 / 25 JKRTUT / TRM / 2106-05

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Tepi Jalan Raya Di Daerah Tutong (Zon 3) Bagi Tempoh 24 Bulan

Yuran Tawaran :
BND50.00 bagi setiap tawaran
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 9 Julai 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 23 Julai 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / BKS / 002(CS) [JPPK / LTK / 01 / 2024]
Structural Assessment of Various Buildings at Berakas Garrison (Civil and Structural Services)

Tarikh Mula Tawaran:
24 Jun 2024

Kelas:
III dan Ke atas Sahaja

Kategori :
KA01 atau B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Tiga (3) Bulan

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 16 Julai 2024**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
23 Julai 2024
Jam 2.00 Petang

Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / GRU / 002 [JPPK / LTK / 08 / 2024]
Proposed Design And Build Of VVIP Toilet And Walkway At Parade Square, Sungai Akar Camp

Tarikh Mula Tawaran:
24 Jun 2024

Kelas:
III dan ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Satu (01) Bulan

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu** sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 16 Julai 2024**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
23 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran:
11 / JUN / 2024 / KKBS / HSSE / SECURITY / JMM

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tempoh Tiga Puluh Enam Bulan (24 Bulan + 12 Bulan Tambahan) Bagi Bangunan Galeri Seni, Jalan Mc Arthur, Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa
9 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 01 / 2024-2025

Tajuk Sebut Harga:
Membekal Plak Cenderahati Kenangan Bagi Pesara-Pesara Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan Dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya Bagi Tahun 2023

Tarikh Taklimat (Jika Berkenaan):
Khamis
11 Julai 2024
Jam 9.00 Pagi

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis
18 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 10

Tajuk Tawaran:
To Design, Provide Copywriting And Editorial, Printing And Delivery Of River Trail Brochures

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 18 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
21 / JPD / JKSH / 20242025

Tajuk Sebut Harga:
12 Months Term Provision Of Security Services For Land Transport Department Buildings And Branches For 1 (One) Year

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
2 Julai 2024
Sebelum 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 07 / 2024

Tajuk Tawaran:
Pembelian Enjin Baru (Short Engine Assembly) Berserta Pemasangan Untuk Mitsubishi Pajero GI 2.8 Yang Berdaftar BG350

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
9 Julai 2024
(Selasa)



Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUUMM / CONTRACT / 2024 / 6 / 1

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Cube Rental Service, Tingkat 1, Bangunan Undang-Undang Dan Mahkamah-Mahkamah, Pejabat Peguam Negara, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA1910, Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
9 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



OIC General Secretariat In Jeddah

Jawatan :
Director of Financial Affairs – OIC General Secretariat, Jeddah, Kingdom of Saudi Arabia

Tarikh Tutup :
31 Julai 2024

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah menghadapkan terus permohonan dan Curriculum Vitae melalui

e-mel: vacanvy@oic-oci.org

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Iklan Jawatan Kosong

Jawatan Kosong Di

3 PENUNTUT IBTE RAIH PINGAT



PARA wakil kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) selamat tiba di NBD setelah menyertai Pertandingan Kemahiran Antarabangsa Belt and Road Kedua yang diadakan di Chongqing, Republik Rakyat China.

BERAKAS, Khamis, 27 Jun. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) telah selamat tiba di NBD lewat petang tadi setelah menyertai Pertandingan Kemahiran Antarabangsa Belt and Road Kedua yang diadakan di Chongqing, Republik Rakyat China.

Tiga penuntut dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang telah ikut serta dalam

tiga bidang kemahiran dalam pertandingan tersebut, berjaya merangkul beberapa pingat.

Pingat emas bagi bidang kemahiran Internet Marketing berjaya diraih oleh Awang Mohammad Adiman bin Sezeli, penuntut dari IBTE Sekolah Infokomunikasi dan Teknologi.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Awang Mohammad Adiman melahirkan rasa syukur dan

gembira kerana berjaya menujuarai bidang kemahiran pemasaran internet yang beliau sendiri tidak menyangka memenangi pingat emas memandangkan saingen beliau sendiri terdiri daripada peserta peringkat antarabangsa.

Sementara itu, menurut Pegawai Pengiring, Awang Md. Rizal bin Haji Mohd. Hendry selaku Pakar dalam Bidang Kemahiran Pemasaran Internet, menjelaskan kejayaan

ini adalah sangat tidak disangka-sangka.

Namun, beliau melahirkan rasa syukur dan gembira atas kejayaan peserta negara kita dan berharap akan sentiasa berusaha meningkatkan lagi prestasi pencapaian bagi pertandingan yang akan datang pula.

Sementara pingat gangsa bagi bidang kemahiran Coffee Making telah dimenangi oleh Awang Mohd. Amirul Azim bin Mohd. Manan, penuntut dari IBTE Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan.

Manakala dalam bidang kemahiran Information Network Cabling, Awang Mohammad Daini Daim bin Suhainin, penuntut dari IBTE Sekolah Penerangan telah berjaya meraih Anugerah Best Newcomer.

Berada di Lapangan

Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen Brunei ialah Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd Zamri bin Haji Sabli, serta

pegawai-pega...
urusan tertinggi dan pegawai-pega...

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PEGAWAI Pengiring, Awang Md. Rizal bin Haji Mohd. Hendry.

Pertandingan Kemahiran Antragabangsa Belt and Road Kedua pada tahun ini bertemakan 'Skill Cooperation, Joint Development' dan telah diadakan di Pusat Ekspos Antarabangsa Chongqing, Republik Rakyat China, bermula dari 24 Jun hingga 26 Jun 2024.



AWANG Mohammad Adiman bin Sezeli meraih pingat emas.

Pemenang BIBD Aspirasi 6 diraikan

PARA pemenang cabutan suku tahun kedua Kempen Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Aspirasi 6 semasa menerima hadiah (kanan dan kanan sekali).

BERAKAS, Jumaat, 28 Jun. - Empat pemenang berjaya membawa pulang hadiah BND10,000 setiap seorang menerusi cabutan suku tahun kedua Kempen Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Aspirasi 6 hari ini.

Sementara itu, sebanyak 24 pemenang yang lain juga turut memenangi hadiah wang tunai BND1,000 yang merupakan sebahagian daripada cabutan suku tahun kedua kempen berkenaan.

Penyampaian hadiah yang diadakan petang tadi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas disempurnakan oleh Ketua Jualan, Kumpulan Perbankan Runcit BIBD, Dayang Hajah Rohani binti Haji Mohd. Salleh.

Pemenang dipilih daripada kumpulan pelanggan yang telah melanggar ke dalam BIBD Aspirasi dengan tempoh pegangan minimum 90 hari. Sebagai kesinambungan daripada cabutan sijil kelayakan yang telah dibuat seminggu sebelumnya, acara tersebut menyaksikan cabutan berasingan bagi menentukan pemenang bulanan dan suku tahunan.

BIBD Aspirasi diperkenalkan, untuk menjadikan disiplin penjimatkan lebih mudah, mudah diakses dan lebih senang kerana langganan dan penebusan boleh dibuat terus melalui aplikasi mudah alih BIBD NEXGEN Wallet.

Untuk menggalakkan simpanan jangka panjang dan pengurusan



kewangan, objektif jangka panjang BIBD adalah untuk memastikan pelanggan terus menyimpan dan menyasarkan kebebasan kewangan.

Dengan Aspirasi, pelanggan bukan sahaja dapat mengekalkan simpanan mereka, tetapi juga diberi ganjaran dengan hadiah wang tunai bulanan, hadiah suku tahunan dan hadiah utama.

Untuk melayakkan diri bagi cabutan ganjaran, pelanggan dikehendaki mengekalkan tempoh minimum pegangan selama 90 hari, dengan deposit minimum pegangan sebanyak BND50 untuk keseluruhan tempoh program.

BIBD Aspirasi adalah sebahagian daripada aspirasi bank sebagai rakan kongsi jangka panjang ke arah membina asas kewangan yang kukuh dan celik kewangan yang lebih tinggi dalam kalangan orang awam, melalui galakkan dan memberi insentif kepada amalan menabung. Ini adalah selaras dengan komitmen BIBD ke arah kemampunan dan penajaran

dengan Maqasid Syariah.

BIBD Aspirasi 6 mencerminkan dedikasi bank yang tidak berbelah bahagi kepada keterangkuman kewangan dan celik huruf dengan kempen ganjaran, berstruktur untuk memberi insentif dan memupuk positif tabiat menyimpan, menawarkan pelbagai hadiah sepanjang tahun.

Dengan kesimpulan kempen pada 30 November 2024 nanti, sejumlah 288 pemenang bulanan dan 16 pemenang suku tahunan akan diraikan, di samping dua penerima hadiah utama akan membawa pulang wang tunai BND200,000 setiap seorang.

BIBD Aspirasi 6 akan terus memperkasa dan memberi ganjaran kepada penyimpan Brunei. Boleh diakses melalui BIBD NEXGEN dengan kemasukan minimum hanya BND50, BIBD Aspirasi 6 menawarkan keterangkuman dan peluang tanpa had untuk semua. Inisiatif ini menekankan dedikasi BIBD untuk mewujudkan pengalaman perbankan yang

benar-benar bermanfaat.

Dilancarkan pada 2018, BIBD Aspirasi sejajar dengan misi bank Negara Brunei Darussalam untuk memupuk celik kewangan dan budaya menabung yang mantap dalam kalangan rakyat tempatan.

BIBD Aspirasi merangkumi komitmen bank untuk menjadi rakan kongsi jangka panjang, berusaha

Oleh : Aimi Sani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

untuk membina yang kukuh asas kewangan dan memperkasa orang ramai dengan pengetahuan kewangan melalui amalan menabung yang diberi insentif. Inisiatif ini mencerminkan dedikasi BIBD terhadap kemampunan dan prinsip-prinsip Maqasid Syariah.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PESERTA BENGKEL HIDROPONIK TERIMA SIJIL

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan

WASAN, Rabu, 26 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) dengan kerjasama Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Sekolah Agro-Teknologi dan Sains Gunaan mengadakan Majlis Penutup Bengkel Hidroponik bagi Program Green School Gardening Fasa Ke-5 bertempat di IBTE Sekolah Agro-Teknologi dan Sains Gunaan.



Penyampaian sijil juga disampaikan oleh Ketua IBTE Sekolah Agroteknologi dan Sains Gunaan, Dayang Zaitunah binti Haji Kurus.

Antara tujuan bengkel tersebut adalah untuk memberikan latihan serta tunjuk ajar secara teori dan praktikal kepada guru-guru untuk membina sistem hidroponik dan seterusnya melaksanakan aktiviti pertanian menerusi kaedah tersebut bagi pelajar-pelajar sebagai salah satu aktiviti pembelajaran di sekolah.

Program Green School Gardening yang mula dikendalikan sejak 2019 ini telah membekalkan sistem hidroponik kepada sekolah-sekolah kerajaan untuk memperkayakan pembelajaran dan pengajaran di sekolah serta pada masa yang sama mempromosikan kelestarian alam sekitar dan pembangunan mampan.

KETUA Pusat STEP, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada penerima (kiri dan atas kanan). Manakala gambar kanan, penyampaian sijil juga disampaikan oleh Ketua IBTE Sekolah Agroteknologi dan Sains Gunaan, Dayang Zaitunah binti Haji Kurus.



136 pelajar hadiri Jeryawara Kenali ASEAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



TAKLIMAT Kenali ASEAN disampaikan oleh Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Jeryawara Kenali ASEAN bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut

Jeryawara yang diadakan di Lecture Theatre sekolah berkenaan turut dihadiri oleh Timbalan Pengetua Akademik, Dayang Norjalina binti Haji Japar yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Taklimat Kenali ASEAN

disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail yang antaranya mengetengahkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEANness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan



SALAH seorang pelajar semasa diajukan soalan.

ASEAN ditubuhkan.

Dalam masa yang sama, ia juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya

para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

سورو هنجای قر خدمت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi**
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan**
menandakan pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengerasian profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**



LAHIRKAN GENERASI CELIK AL-QURAN



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Jun. - Seramai 32 murid Darjah VI Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Kawasan Brunei I diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di surau sekolah

berkenaan, pagi tadi. Murid-murid terdiri daripada 20 lelaki dan 12 perempuan yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran. Hadir selaku tetamu khas majlis, Ketua Bahagian Kewangan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhammad Amin bin Haji Tengah hadir selaku tetamu khas majlis (kiri), manakala gambar atas, seramai 32 murid Darjah VI Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Kawasan Brunei I diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran.



KETUA Bahagian Kewangan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhammad Amin bin Haji Tengah hadir selaku tetamu khas majlis (kiri), manakala gambar atas, seramai 32 murid Darjah VI Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Kawasan Brunei I diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu khas majlis.

Kemudian, majlis disusuli dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti dengan bacaan Takhtim dan Dikir oleh murid-murid Darjah IV dan V

sekolah berkenaan.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Muhammad Mokhtar Dahari bin Awang Damit.

Disusuli dengan penyampaian Sijil Khatam oleh tetamu khas majlis manakala Doa Selamat dibacakan oleh Awang Haji Nur Adillah bin Haji Yahya.

Majlis berkenaan diadakan adalah bagi menyahut hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, serta beriman, beramal dan bertakwa, di samping menggalakkan amalan pembacaan Al-Quran dengan betul dan lancar.



AWANG Haji Abdullah bin Haji Ahad bersama isteri (atas), manakala gambar kanan, Dayang Hajah Rohani binti Haji Marani bersama suami dan tiga orang anaknya semasa ditemu bual.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Kepulangan jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang mengikuti penerbangan ketiga disambut oleh ahli keluarga

dan sanak-saudara dengan penuh rasa syukur sambil menitiskan air mata.

Para jemaah haji di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei,

Berasak masing-masing menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberikan peluang untuk menunaikan ibadah haji pada tahun ini.

Dalam pada itu, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa jemaah haji pagi tadi.

Awang Haji Abdullah bin Haji Ahad, 60 tahun dari Kampung Rimba menyatakan ini merupakan julung kalinya beliau menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci bersama isteri.

Mengongsikan tentang pengalaman berada di Tanah Suci, beliau berkata menunaikan ibadah haji ini banyak cabarannya.

Justeru, beliau mengingatkan kepada mereka yang berniat untuk menunaikan ibadah haji nanti untuk bersiap sedia dari segi mental dan fizikal.

"Detik-detik dan kenangan yang tidak dapat dilupakan, apabila berhimpun bersama orang-orang Brunei dan rakyat dari negara lain, di sana digalakkan bekerjasama dan mematuhi peraturan, beribadat seperti yang dituntut dalam agama Islam," ujarnya lagi.

Begini juga Dayang Hajah Rohani binti Haji Marani dari Kampung Lambak, Jalan Bedil

yang menunaikan ibadah haji kali pertama bersama keluarganya.

Namun, Dayang Hajah Rohani menceritakan ini adalah kali kedua beliau menunaikan ibadah haji selepas haji pertamanya pada 2003.

Beliau mengongsikan perbezaan 2003 dan 2024 di mana 2024 adalah tahun yang mencabar bagi beliau berbanding pada tahun lalu kerana jumlah jemaah haji yang begitu ramai, selain cabaran di Arafah dan Mina.

Beliau yang menunaikan ibadah haji bersama suami dan tiga orang anaknya yang mengikuti paket Titian Travel seterusnya menjelaskan, perjalanan ibadah haji mereka berjalan dengan lancar bersama paket berkenaan walaupun pada hari kemuncak haji mereka berasa gemtar.

"Namun, alhamdulillah, semua urusan haji berjalan dengan lancar dan pengurusan haji Brunei juga banyak memeduli para jemaah haji dan mana-mana khemah kami dikawal rapi oleh jemaah-jemaah Brunei," tambah beliau lagi.

Beliau seterusnya berniat untuk menunaikan ibadah haji lagi jika dipanggil dan dikurniakan rezeki pada masa akan datang.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Bersama Memupuk Pembangunan Mampan'. Tarikh Tutup : 3 Julai 2024
- 'Jangan Ambil Mudah Isu Pergaulan Bebas'. Tarikh Tutup : 10 Julai 2024
- 'Cara-Cara Menghindari Penyalahgunaan Dadah'. Tarikh Tutup : 17 Julai 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam. atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

KHATAM AL-QURAN RAIKAN 19 MURID DARJAH VI

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam



LAMBAK KANAN, Rabu, 26 Jun. - Seramai 19 murid Darjah VI sesi pagi Sekolah Ugama Lambak Kanan Kawasan Brunei IIA diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran setelah berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran.

Majlis yang berlangsung di

MAJLIS Khatam Al-Quran bagi murid Darjah VI sesi pagi Sekolah Ugama Lambak Kanan Kawasan Brunei IIA diraikan di Dewan Sekolah berkenaan (kiri dan kanan).

Ahmad yang juga hadir selaku tetamu khas majlis.

Acara diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam dan bacaan Takhtim. Manakala Doa Khatam dibacakan oleh Awang Izdiyah Izdihar bin Nasri dan disusuli dengan Dikir Marhaban.

Majlis menyaksikan penyampaian Sijil Khatam oleh tetamu khas majlis dan diteruskan dengan merenjis minyak wangi oleh para jemputan yang hadir. Majlis diakhiri dengan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Hayrol Irwandy@Abdul Mu'iz bin Haji Ahmad.

Antara lain, majlis tersebut



merupakan aktiviti tahunan di samping memupuk budaya pihak sekolah serta usaha bagi menjadikan hasrat kerajaan untuk mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, kalangan murid-murid.

105 murid berjaya tamat bacaan 30 juzuk Al-Quran

KETUA Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Noor Rasidah binti Haji Sharbini hadir selaku tetamu khas pada Majlis Khatam Al-Quran (kanan). Manakala gambar bawah, murid-murid yang diraikan pada majlis berkenaan.



BERAKAS, Rabu, 26 Jun. - Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Berakas, Kawasan Brunei IIA tidak ketinggalan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 105 murid Darjah VI sesi petang terdiri daripada 60 murid lelaki dan 45 murid perempuan yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran. Majlis Khatam tersebut diadakan di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jalan Airport Lama, Berakas.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai diketuai oleh Ketua Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Noor Rasidah binti

Haji Sharbini yang juga hadir selaku tetamu khas majlis.

Seterusnya, bacaan surah-surah lazim oleh peserta-peserta khatam diikuti dengan bacaan Takhtim. Manakala Doa Khatam dibacakan oleh Awang Muhammad Khairul Amirin bin Jaman.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban dan diteruskan dengan penyampaian Sijil Khatam oleh tetamu khas majlis. Kemudiannya, merenjis minyak

wangi oleh para jemputan yang hadir. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Roswandi bin Wahap.

Majlis tersebut merupakan acara tahunan pihak sekolah serta usaha bagi mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, di samping memupuk budaya menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan harian dalam kalangan murid-murid.



Jadikan membaca Al-Quran amalan harian

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam



SUASANA Sekolah Ugama Kampung Mata-Mata, Gadong semasa mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 15 murid Darjah VI (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan sebagai salah satu aktiviti tahunan sekolah, juga adalah bagi mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran serta untuk galakan kepada murid-murid untuk menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai budaya hidup dan amalan harian.

Sehubungan itu, Sekolah Ugama Kampung Mata-Mata, Gadong mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 15 murid Darjah VI terdiri daripada tujuh murid lelaki dan lapan murid perempuan yang telah berjaya menghantamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran di Dewan Al-Barakah sekolah ugama berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai diketuai oleh Ketua Bahagian Kurikulum, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Johar bin Haji Jumat selaku tetamu khas majlis.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti dengan bacaan Takhtim oleh murid-murid perempuan Darjah IV dan Darjah V sekolah berkenaan.

Manakala Doa Khatam dibacakan oleh salah seorang peserta Khatam, Awang Haji Muhammad Azka Syahfi bin Abdullah.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan Dikir Ashraqal oleh murid-murid lelaki Darjah IV dan Darjah V.


Kemudian, majlis disusuli dengan penyampaian Sijil Khatam oleh tetamu khas majlis dan acara merenjis minyak wangi oleh para jemputan dan ibu bapa yang hadir.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Haji Muhammad Amirul Rashid bin Haji Wahab.



OPERASI URSA HEAL CEKUP 27 PENGEDAR DADAH

Siaran Akbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik



ANTARA yang dirampas semasa Operasi Urs Heal pada 16 dan 19 Jun 2024 (kiri, kanan dan bawah kanan).



ditanah akan turut disiasat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar, yang mana, jika sabit kesalahan dengan jumlah dadah yang dirampas, boleh membawa hukuman maksimum 20 tahun penjara dan 15 sebatan dan hukuman minima lima tahun penjara dan lima sebatan.

Suspek-suspek Operasi Urs Heal ini merupakan pengedar dan pengguna dadah yang didapati masih lagi menjalankan kegiatan mengedar dan menyalahgunakan dadah secara berterusan walaupun pernah ditahan oleh BKN sebelum ini.

Operasi ini juga merupakan salah satu usaha BKN dalam mengelakkan kegiatan pengedaran dan penyalahgunaan dadah dari terus berleluasa khususnya di kawasan perumahan negara dan sekitarnya.

BKN ingin menegaskan bahawa pihaknya akan terus menjalankan amanah dan tugas-tugas pembanterasan dadah bagi



mencegah jenayah dadah dari terus berkembang dan berleluasa termasuk di kawasan-kawasan perumahan.

Pengedaran dadah merupakan jenayah yang perlu diberikan

perhatian kerana ia boleh membantu perkembangan golongan belia-belia dan seterusnya menjadikan keharmonian dan keutuhan masyarakat serta ketahanan negara.

PPDB lumpuhkan kegiatan perjudian



KEGIATAN perjudian berjaya dilumpuhkan di kawasan Mukim Kilanas, Daerah Brunei dan Muara (kiri dan kanan).



ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha untuk pemeriksaan kesihatan dan seterusnya ditahan untuk siasatan lanjut.

Dipercayai beberapa orang suspek telah melarikan diri melalui longkang besar di belakang rumah tersebut.

Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 4, iaitu kesalahan pengendalian tempat perjudian yang membawa hukuman denda BND20,000 dan penjara 12 bulan, manakala di bawah Seksyen 6 (1) kesalahan bermain judi membawa hukuman denda BND10,000 dan penjara enam bulan, Akta Rumah Judi Terbuka, Penggal 28.

Kerjasama orang ramai serta agensi-agensi penguat kuasa undang-undang dalam menyulurkan maklumat adalah sangat berkesan dan membolehkan operasi pembanterasan aktiviti yang menyalahi peraturan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dengan bantuan Unit Siasatan Khas dan Unit Pecah Rumah dan Pecah Kereta, JSJ baru-baru ini telah berjaya melumpuhkan kegiatan perjudian di kawasan Mukim Kilanas, Daerah Brunei dan Muara.

Serbuan yang dijalankan di sebuah rumah sewa telah berhasil

menahan 16 lelaki warga asing, terdiri daripada warganegara Bangladesh, Indonesia dan Malaysia.

Wang berjumlah BND9,439.80, SGD14.00 dan RM2.00 juga turut dirampas bersama peralatan-peralatan yang digunakan untuk kegiatan judi jenis katam-katam termasuk kain katam, tempat mengisi buah dadu (Kong) bersama dadunya.

Kesemua tahanan telah dibawa


suruhanjaya perkhidmatan awam
 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Perkhidmatan Awam

Bilangan Iklan	2022/AAC/03	Bahagian	8
Jawatan	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II	Tarja Gaji	R2333
Kementerian	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN Sukan	Kaksoangan	1
Jabatan	PUSAT SEJAHTERA BRUNEI	Jenis Iklan	7/4
Unit		Tarikh Mula	05 SEPTEMBER 2022
		Tarikh Bantah	25 SEPTEMBER 2022

INSTRUKSIAN MENERIMA:

- (A) PENDIDIKAN: Minitarik atau terlibat dalam pelajaran Bahasa Arab / Prancis / Inggeris / Persamaan Islam / Pengurusan / Sains / Undakundan atau pelajaran
- (B) PENGETAHUAN: Memperoleh maklumat yang seligur mengenai teknologi

Skim Iklan Awam

- (A) PENDIDIKAN: Minitarik atau terlibat dalam pelajaran Bahasa Arab / Prancis / Inggeris / Persamaan Islam / Pengurusan / Sains / Undakundan atau pelajaran
- (B) PENGETAHUAN: Memperoleh maklumat yang seligur mengenai teknologi

SKIM IKLAN

PUPUK KEFAHAMAN MENGENAI RANGKA KERJA PENGURUSAN PROJEK

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Kebangsaan E-Kerajaan



PUSAT Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa mengadakan Jerayawara Taklimat dan Bengkel Rangka Kerja Pengurusan Projek atau 'Project Management Framework' (PMF).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun. - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mengadakan Jerayawara Taklimat dan Bengkel Rangka

Kerja Pengurusan Projek atau 'Project Management Framework' (PMF) pada 10 sehingga 19 Jun 2024, bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Jerayawara tersebut diadakan bertujuan untuk mengongsikan maklumat kepada pengurus-pengurus projek di agensi-agensi kerajaan dan juga syarikat-syarikat pembekal bagi memupuk

kefahaman mengenai rangka kerja berkenaan agar projek-projek digital transformasi kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Seramai 450 pegawai dan kakitangan kerajaan dan syarikat-syarikat pembekal menghadiri jerayawara tersebut.

Rangka kerja ini telah dikeluarkan dan dimandatkan pada Mei 2023 untuk digunakan bagi semua

projek IT kerajaan dalam usaha memastikan urus tadbir projek-projek IT dibuat dengan teratur serta memastikan keberkesanan dan kejayaan projek-projek berkenaan.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, bolehlah menghubungi pihak EGNC melalui e-mel ke governance@egnc.gov.bn.

Majlis Khatam Al-Quran sempena IDADAIT 2024



MAJLIS Khatam Al-Quran sebagai kegiatan BASMIDA dalam memperingati IDADAIT (International Day Against Drug Abuse and Illicit Trafficking) 2024 yang diraikan di kediaman Yang Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd. Ali di Dewan Masrain, Ar-Raiyan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

JERUDONG, Jumaat, 28 Jun. - Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sebagai kegiatan BASMIDA dalam memperingati IDADAIT (International Day Against Drug Abuse and Illicit Trafficking) 2024 yang diraikan pada setiap

26 Jun setiap tahun.

Majlis berkenaan diadakan di kediaman Yang Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd. Ali di Dewan Masrain, Ar-Raiyan, Jerudong, di sini.

Hadir menyertai majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Khatam Al-Quran dan Ahli-ahli BASMIDA.

Majlis berkenaan adalah sebagai

tanda kesyukuran meraikan tamatnya pembacaan 30 Juzuk Al-Quran yang disertai oleh 40 Ahli BASMIDA yang ditugaskan membaca satu juzuk setiap seorang, manakala enam orang ahli lagi membaca dari Juzuk 1 hingga Juzuk 30.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyah oleh semua

peserta. Kemudian, bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas diikuti dengan bacaan Takhtim oleh semua peserta dipimpin oleh Dayang Kamisah binti Haji Sabtu.

Bacaan Doa Khatam pula diketuai oleh Dayang Hajah Saadiah binti Haji Ibrahim dengan terjemahannya disampaikan oleh Datin Hajah Dayang Masni.

Majlis turut diserikan dengan laungan Dikir Marhaban (Syarafil

Anam) oleh semua peserta.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamatkan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) serta Doa Penutup dibacakan oleh Dayang Hajah Asmah binti Haji Paidin.

Yang Dipertua Persatuan BASMIDA dalam ucapan penghargaannya menyatakan bahawa majlis seumpama berkenaan merupakan satu aktiviti keagamaan bagi ahli-ahli untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan, mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar dapat memotivasi diri untuk terus melaksanakan kegiatan anti dadah dalam memberi nasihat serta menerapkan nilai-nilai baik menjadi contoh tauladan di rumah tangga kalangan ahli-ahli.

Pihak pengajar juga ujarnya, melahirkan harapan agar amalan membaca Al-Quran akan dapat terus digalakkan serta menjadikannya sebagai budaya amalan bacaan harian terutama dalam kalangan kaum keluarga ahli dan kumpulan-kumpulan dalam BASMIDA Youth dan Ahli-ahli Remaja BASMIDA agar bersama melahirkan lebih banyak generasi celik Al-Quran selaras dengan hasrat negara menjadikannya sebagai sebuah Negara Zikir.

Menurut Yang Dipertua Persatuan BASMIDA lagi, BASMIDA juga akan terus melipatgandakan usaha dalam kegiatan kerohanian dan memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala agar NBD sentiasa dilindungi daripada ancaman penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah haram yang membawa kerosakan kepada keamanan, kemakmuran dan keselamatan keluarga, masyarakat dan negara.



PBA tingkatkan pengajaran bahasa Arab bahasa harian

Oleh : Pg. Vivy Maessa Pg. Ibrahim

Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Persatuan Bahasa Arab

BAHASA Arab diperakui di seluruh Islam sejagat. Meskipun ada bahasa lain yang terlihat bersifat antarabangsa, namun kenyataannya dan sampai bila-bila pun tidak akan menyamai kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa umat Islam.

PBA merupakan sebuah persatuan bukan kerajaan yang ditubuhkan pada 18 Disember 2018 bersempena dengan Hari Bahasa Arab Sedunia yang disambut pada setiap 18 Disember. Ia berdaftar secara rasmi di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Negara Brunei Darussalam pada Februari 2020 dan Majlis Perasmianya telah diadakan pada 1 September 2020 dengan dirasmikan oleh Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin di Dewan Auditorium Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

Persatuan Bahasa Arab

Penubuhan Persatuan Bahasa Arab (PBA) Brunei adalah bagi mengukuhkan sahsiah bangsa Negara Zikir dengan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menguasai bahasa Al-Quran sebagai bahasa ibadah dan budaya umat

Islam sejagat. Meskipun ada bahasa lain yang terlihat bersifat antarabangsa, namun kenyataannya dan sampai bila-bila pun tidak akan menyamai kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa umat Islam.

PBA merupakan sebuah persatuan bukan kerajaan yang ditubuhkan pada 18 Disember 2018 bersempena dengan Hari Bahasa Arab Sedunia yang disambut pada setiap 18 Disember. Ia berdaftar secara rasmi di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Negara Brunei Darussalam pada Februari 2020 dan Majlis Perasmianya telah diadakan pada 1 September 2020 dengan dirasmikan oleh Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin di Dewan Auditorium Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

Tujuan penubuhan PBA

Tujuan penubuhan PBA dengan matlamat atau visi ke arah meningkatkan takwa dan meletakkan bahasa Al-Quran pada tempat selayaknya di Negara Zikir, Negara Brunei Darussalam dan dengan misi persatuan iaitu menggiatkan usaha pengajaran bahasa Arab di negara ini.

Ahli PBA

Setakat ini keramaian ahli persatuan adalah seramai 56 ahli yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, antaranya pegawai kerajaan dan swasta daripada pelbagai peringkat, ahli akademik yang menghimpunkan Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, guru-guru dan para pelajar sekolah-sekolah Arab dan sekolah bukan Arab.

Aktiviti PBA

Persatuan ini giat mengadakan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kecenderungan, menambah pengetahuan dan meningkatkan kemahiran dalam bahasa Arab. Di antara aktiviti yang pernah diadakan untuk Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia 18 Disember ialah 'Cuba-cuba belajar bahasa Arab' yang dibukakan kepada orang awam; Pertandingan video pendek; Sticker WhatsApp; Suprise Task dalam talian; Bermain sambil belajar bahasa Arab pada Bandarku Ceria yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien pada 2020.

Dalam meneruskan sambutan Bahasa Arab di negara ini, PBA dan institusi-institusi yang lain telah menjadikan bulan Syaaban sebagai Bulan bahasa Arab. Antara acara dan pertandingan yang dibuat

oleh PBA dalam bulan tersebut, 'Ana Minal Madrasah Al Arabiah' dan Pertandingan Menterjemah An Nusus. Manakala acara anjuran bersama empat institusi iaitu KUPU SB, UNISSA, Jabatan Pengajian Islam (khususnya sekolah-sekolah Arab) dan PBA, Persidangan Antarabangsa Mu'tamar Bahasa Arab Kebangsaan yang lebih dikenali dengan MuBaArak.

Kelas Bahasa Arab

Dalam mendukung matlamat PBA, persatuan ini membuka kelas-kelas pengajaran bahasa Arab bagi orang awam di Negara Brunei Darussalam. Kelas berkenaan telah bermula pada 2020 sehingga kini. Menerusi kelas tersebut, para peserta akan belajar dan berlatih memahami ungkapan asas lazim dalam bacaan ibadah harian juga perhubungan dalam kalangan umat Islam seperti di masjid dan lain-lain yang didengar juga dibaca dan mengungkapkannya secara lisan dan juga dalam bentuk tulisan. Kelas berkenaan dibentuk berdasarkan pendekatan situasi dalam pemilihan kandungan dengan mengenal pasti situasi yang biasa dilalui oleh seorang Muslim bermula daripada ucapan salam, zikir ibadah sehingga ucapan perpisahan juga ungkapan lazim yang digunakan dalam masjid, di samping ungkapan asas bahasa umum dan ditambah dengan beberapa maklumat bahasa Arab, budaya dan isu semasa.



Penjagaan kulit

- 1) Mencuci muka dengan teratur dan gunakan pelembap siang dan malam
- 2) Gunakan krim atau *lotion* untuk bahagian kulit badan yang lain
- 3) Jangan gunakan produk mengandungi bahan terlarang
- 4) Titik beratkan pemakanan dengan banyak mengambil makanan kaya antioksidan
- 5) Jumpa doktor sekiranya ada masalah *hyperpigmentation*



Menitikberatkan penjagaan kulit

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

RAMAI masyarakat kini tidak kira lelaki maupun wanita sudah mula sedar akan kepentingan menjaga kulit. Apa lagi sekarang zaman media sosial yang penggunaannya amat luas, memerlukan seseorang itu tampil menarik di layar perak.

Oleh itu, banyak juga produk-produk penjagaan kulit tumbuh bagi cendawan yang turut menjanjikan pelbagai kebaikan kepada pengguna. Review yang dibuat oleh para pempengaruh (*influencer*) di media sosial juga memudahkan lagi para pengasas produk mendapat kepercayaan daripada para pengguna.

Perlu diketahui sememangnya penjagaan kulit adalah penting bagi menjaga penampilan apatah lagi mereka yang mencari rezeki melaluiinya.

Untuk mendapatkan kulit wajah yang sihat, mencuci muka dengan teratur menggunakan pencuci wajah yang sesuai adalah perkara paling penting kerana ia boleh mengurangkan minyak, debu tersembunyi di sebalik pori-pori wajah.

Ketika mencuci muka, sebaiknya cuba lakukan urutan lembut agar semua kekotoran dapat dikeluarkan selain menggunakan produk sesuai pada waktu pagi dan malam.

Selain itu, menjaga kelembapan kulit sangat penting dan caranya juga cukup mudah dengan menggunakan pelembap dua kali sehari iaitu pagi dan malam.

Ini kerana tanpa kelembapan pada wajah boleh menyebabkan kulit nampak kusam

selain mempercepatkan proses penuaan dan kedutan pada wajah.

Begitu juga dengan bahagian tubuh badan yang lain, selain mandi menggunakan sabun, penggunaan krim atau *lotion* antara yang digalakkan agar terpelihara daripada kulit kering.

Penggunaan produk

Penggunaan produk penjagaan kulit yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dapat menyelamatkan kita daripada mendapat risiko kesan penyakit kulit. Lazimnya produk penjagaan kulit ini dijual di kedai-kedai farmasi di negara ini.

Lazimnya pihak Kementerian Kesihatan juga, dari semasa ke semasa akan mengumumkan jika terdapatnya produk-produk yang dicemari dengan bahan-bahan terlarang.

Antara bahan terlarang yang sering didapati pada barang kosmetik ialah Merkuri, Tretinoiin, Hydroquinone dan sebagainya. Bahan ini boleh memudaratkan kesihatan.

Merkuri adalah bahan yang dilarang dalam produk kosmetik seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007. Tahap Merkuri yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh menyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan buah pinggang dan sistem saraf. Anak damit dan kanak-kanak kecil boleh terdedah dengan kesan sampingan daripada pengguna yang boleh

mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau anak damit yang belum dilahirkan.

Tretinoiin adalah bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit kulit. Penggunaan Tretinoiin yang tidak betul boleh menyebabkan kulit yang disapu menjadi kemerahan, mengelupas dan parut pada kulit.

Manakala penggunaan Hydroquinone tanpa pengawasan pula boleh menyebabkan perubahan warna kulit, hipersensitiviti, bahagian kulit yang disapu menjadi biru-hitam atau gelap serta boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

Hydroquinone dan Tretinoiin adalah bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit kulit dan ia dilarang sebagai bahan di dalam produk kosmetik penjagaan kulit di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007.

Selain menggunakan produk penjagaan kulit yang betul, pemakanan juga perlu dititikberatkan. Kita disaran banyak mengambil makanan kaya antioksidan. Ini kerana setiap makanan yang diambil akan memberi kesan kepada tubuh serta kesihatan kulit. Makanan kaya antioksidan adalah seperti buah beri, anggur dan kekacang kerana ia sarat dengan polyphenol dan ellagic yang mampu memberi kesan positif pada wajah.

Berjumpa doktor

Jika *biskita* mengalami masalah *hyperpigmentation* seperti bintik-bintik hitam akibat sinaran matahari atau permasalahan lain yang mencacatkan wajah awda sebaiknya

berjumpa dengan doktor kulit.

Dengan cara itu awda bukan sahaja dapat mengetahui masalah yang dihadapi malah boleh meminta pandangan tentang produk yang sesuai dengan kulit *biskita*.

Bagi negara yang mengalami cuaca panas, masyarakat adalah disarankan untuk mengetahui cara-cara penjagaan kesihatan kulit ketika berada di luar.

Antara yang sering ditekankan ialah dengan minum air yang mencukupi, kerana cuaca yang panas akan mengeluarkan peluh bermakna meningkatkan jumlah air yang keluar dari tubuh dan cepat berasa akan penyahhidratan (*dehydration*). Kulit yang *dehydrated* jika tidak mendapatkan cairan yang cukup, boleh menyebabkan iritasi, kemerahan dan kulit kering. Gunakan *lotion* atau pelembap agar kulit tetap terjaga.

Ketika cuaca panas, sebaiknya kenakan pakaian dengan bahan yang ringan dan longgar serta jenis kain yang mudah menyerap peluh.

Untuk menjaga kulit ketika cuaca panas juga, kita disarankan untuk menggunakan *sunblock*. Ini merupakan cara terbaik untuk melindungi kulit dari sinar Ultraviolet (UV) berbahaya. Sebaiknya gunakan *sunblock* minima SPF 30 sebelum keluar rumah, kerana ia boleh mengurangi risiko kulit terbakar oleh sinaran matahari dan kulit kering.

Oleh itu, jika *biskita* mempunyai masalah kulit, sebaiknya jumpa doktor untuk mendapatkan konsultasi. Kerana mereka lah yang dapat memberikan sebaik-baik nasihat mengenai kesihatan kulit *biskita*. Elakkan menggunakan produk yang dilarang oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Tip penjagaan kulit ketika cuaca panas

- 1) Minum air yang mencukupi, agar tidak mengalami penyahhidratan (*dehydration*)
- 2) Gunakan pakaian jenis bahan yang ringan dan longgar serta jenis kain yang mudah menyerap peluh
- 3) Gunakan *sunblock* minima SPF 30 sebelum keluar rumah





JAKARTA, 27 Jun. - Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) Indonesia sedang menjalankan siasatan berhubung dakwaan melibatkan lebih 1,000 anggota DPR, Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) dan sekretariat agung masing-masing atas dakwaan penglibatan mereka dalam aktiviti judi dalam talian.

Pengerusi Suruhanjaya III, Bambang Wuryanto, menyatakan

INDONESIA SIASAT DAKWAAN 1,000 ANGGOTA DEWAN RAKYAT TERLIBAT JUDI DALAM TALIAN

semasa sesi di kompleks Parlimen di sini, pada Rabu bahawa Majlis Etika mungkin mengambil tindakan disiplin terhadap mereka yang terlibat.

"Selepas menamatkan siasatan, dapatkan itu akan diserahkan kepada Suruhanjaya III. Majlis Etika mempunyai kuasa untuk memanggil individu yang dinamakan dalam laporan itu," katanya.

Menurut Bambang, siasatan itu didorong oleh laporan daripada Pusat Laporan dan Analisis

Transaksi Kewangan (PPATK) yang menekankan keperluan untuk ketelusan dan akauntabiliti dalam barisan kerajaan.

Ketua PPATK, Ivan Yustiavandana, menyatakan bahawa pusat itu bersedia untuk menyediakan data terperinci kepada penggubal undang-undang, khususnya Majlis Etika, mengenai transaksi bernilai 25 bilion rupiah atau kira-kira US\$1.74 juta.

Beliau juga mendedahkan semasa mesyuarat bahawa transaksi kewangan yang dikaitkan dengan judi dalam talian di republik itu telah mencapai 101 trilion rupiah atau US\$7.04 bilion pada suku pertama 2024.

Timbalan Penggerusi Suruhanjaya III, Habiburokhman menekankan implikasi sosial dan undang-undang, menyebut kemungkinan tuduhan jenayah di bawah undang-undang Indonesia bagi peserta dalam judi dalam talian.

Beliau berkata DPR sedang mempertimbangkan langkah pencegahan dan hukuman untuk menangani isu itu sambil mengakui peranan kritikal PPATK dalam perisikan kewangan.

Kerajaan Indonesia sedang mempergiatkan usaha untuk menangani isu judi dalam talian yang semakin membimbangkan, melantik Menteri Penyelaras bagi Hal Ehwal Politik, Undang-undang

dan Keselamatan, Hadi Tjahjanto untuk mengetuai pasukan petugas yang menangani masalah berkenaan.

Judi adalah dilarang sama sekali di bawah Undang-undang Maklumat dan Transaksi Elektronik di Indonesia.

Pengedar atau fasilitator judi dalam talian boleh dipenjara sehingga enam tahun dan didenda satu bilion rupiah, kira-kira US\$69,000.

Individu yang ditahan menyertai aktiviti itu boleh dihukum penjara maksimum empat tahun atau didenda sehingga 10 juta rupiah, kira-kira US\$690, di bawah Kanun Keseksaan. - ©BERNAMA

Norway mula simpan bijirin sebagai persiapan hadapi sebarang krisis

ANKARA, 26 Jun. - Kerajaan Norway pada Selasa menandatangani kontrak dengan syarikat swasta untuk memulakan penyimpanan produk bijirin.

Kontrak awal akan merangkumi penyimpanan sebanyak 30,000 tan bijirin, lapor Agensi Anadolu yang memetik Menteri Pertanian dan Makanan Geir Pollestad kepada penyuari Norway, NRK.

Matlamatnya adalah untuk menyimpan sekitar 82,500 tan bijirin menjelang akhir dekad ini, memastikan bekalan mencukupi untuk tiga bulan penggunaan bagi populasi Norway dalam sebarang krisis yang berpotensi, kata Pollestad seperti yang dipetik oleh NRK.

Pollestad menegaskan bahawa keadaan keselamatan telah merosot dengan ketara di rantau ini, mendorong kerajaan untuk memberi tumpuan kepada meningkatkan kesiapsiagaan.

"Keterjaminan makanan adalah sangat penting. Kita mesti bersiap sedia untuk menghadapi perkara yang tidak diduga dan memastikan akses kepada makanan dalam situasi sebegini," katanya.

Pollestad menjelaskan lagi bahawa kontrak-kontrak ini dijadualkan untuk pelaksanaan antara 2024 dan 2025, dengan tempoh penyimpanan selama 25 tahun, kata NRK.

Norway kini mengelakkan kadar mampu diri sebanyak 40 peratus dalam makanan. - ©BERNAMA

QUAD tawar biasiswa kepada pelajar ASEAN

JAKARTA, 26 Jun. - Quad, yang terdiri daripada Amerika Syarikat, India, Jepun dan Australia menawarkan biasiswa kepada para pelajar dari negara-negara terbabit dan ASEAN untuk mempelajari sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di AS.

"Program ini menaja pelajar sarjana dan kedoktoran yang cemerlang bagi mendalamai sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik di Amerika Syarikat," kata naib presiden eksekutif, pembangunan program dan perkhidmatan rakan kongsi, Institut Pendidikan Antarabangsa (IIE), Jonah Kokodynai semasa temu bual secara maya pada Selasa, lapor ANTARA.

Biasiswa ini ditawarkan dengan kerjasama IIE, sebuah organisasi global yang menguruskan program biasiswa paling berprestij di dunia bagi membangunkan rangkaian pakar sains dan teknologi yang komited kepada kebaikan sejagat.

"Program ini membina pemahaman asas antara para fello Quad tentang satu sama lain, masyarakat dan budaya melalui program dan rangkaian dengan para saintis, ahli teknologi dan ahli politik terkemuka setiap negara," katanya.

Mereka juga mengenal pasti calon yang komited untuk bekerjasama dalam bidang seperti perubahan iklim, kesihatan awam dan penggunaan kecerdasan buatan untuk kebaikan bersama. Dalam kohort pertama biasiswa ini, mereka memilih pelajar dari empat negara Quad: Australia, India, Jepun, dan Amerika Syarikat.

Sementara itu, mereka juga telah mengembangkan program ini ke 10 negara ASEAN, bukan sahaja untuk memperluaskan skop geografi program, tetapi memberikan manfaat bagi rantau Indo-Pasifik.

"Kami menerima jumlah permohonan yang tinggi dari hampir setiap negara ASEAN semasa kitaran kempen ini, menunjukkan permintaan yang signifikan di rantau ini dan negara-negara ASEAN terhadap pendidikan tinggi AS dan kerjasama saintifik," kata Kokodynai.

IIE kini dalam proses memilih calon untuk tajaan biasiswa ini. "Kami sedang dalam proses pemilihan. Jadi dalam masa sebulan, kami akan mengumumkan para fello," katanya.

Mereka yang berminat untuk mendapatkan biasiswa ini boleh mengakses maklumat berkaitan pendaftaran di laman sesawang quadfellowship.org. "Kami sedang memilih kohort kedua pelajar. Dan pada 2025, kami akan memilih kohort ketiga," katanya. - ©BERNAMA

Jerman uji perkhidmatan pengangkutan awam tanpa pemandu pertama

BERLIN, 26 Jun. - Pengendali kereta api Jerman, Deutsche Bahn dan badan yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan kereta api serantau di barat negara itu melancarkan projek perintis pertama Jerman untuk perkhidmatan ulang-alik tanpa pemandu atas permintaan dalam pengangkutan awam tempatan, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Kenderaan berkenaan beroperasi tanpa pemandu dalam kawasan yang ditetapkan, tetapi pada mulanya seorang pemandu keselamatan akan berada di dalamnya, umum Deutsche Bahn pada Selasa.

Enam kenderaan di Darmstadt dan Daerah Offenbach akan secara berperingkat-peringkat dimasukkan

ke dalam operasi dalam mod ujian. Penumpang tidak dibenarkan menaiki kenderaan berkenaan buat sementara waktu, kata Deutsche Bahn.

Ujian ini adalah sebahagian daripada projek yang dinamakan KIRA, akronim yang merujuk kepada perkataan Jerman yang bermaksud operasi biasa berdasarkan kecerdasan buatan (AI) untuk perkhidmatan pengangkutan autonomi atas permintaan.

Teknologi daripada projek KIRA sepatutnya membolehkan kenderaan berkenaan bergerak dalam lalu lintas jalan pada kelajuan normal.

Syarikat kereta api itu berkata semua kendalian pemanduan akan diputuskan oleh kenderaan, tetapi

ia akan dipantau oleh kakitangan penyelia teknikal semasa tempoh ujian.

Deutsche Bahn berharap perkhidmatan ini akan menjadikan pengangkutan awam tempatan lebih menarik dan fleksibel. Perkhidmatan ulang-alik yang boleh dipesan ini seharusnya memastikan mobiliti menyeluruh, terutamanya di kawasan luar bandar, dan menghubungkan pelbagai mod pengangkutan.

Projek ini disokong oleh Kementerian Pengangkutan Jerman dengan jumlah sebanyak €2.2 juta (US\$2.35 juta) dan negeri Hesse. Ujian ini telah dibenarkan oleh Pihak Berkusa Pengangkutan Motor Persekutuan. - ©BERNAMA

Singapura rampas S\$6 bilion hasil kegiatan jenayah, pengubahan wang Haram sejak 2019

SINGAPURA, 26 Jun. - Singapura merampas S\$6 bilion (\$S1=RM3.47) yang dikaitkan dengan aktiviti jenayah dan pengubahan wang haram antara Januari 2019 dan Jun 2024.

Kementerian Ehwal Dalam Negeri (MHA), Kementerian Kewangan (MOF) dan Pengusaha Kewangan Singapura (MAS) berkata daripada jumlah itu, S\$416 juta telah dikembalikan kepada mangsa dan S\$1 bilion telah dilucutahkan kepada negara.

"Sebahagian besar bakinya dikaitkan dengan siasatan atau prosiding mahkamah yang sedang berjalan," menurut mereka dalam kenyataan bersama pada Rabu.

Singapura pada Rabu menerbitkan Strategi Pemulihan Aset Kebangsaan pertamanya, yang menggariskan pendekatan menyeluruh republik itu terhadap pemulihan dana dan aset haram daripada penjenayah serta pelucutahan aset itu atau pemulangannya kepada mangsa.

Strategi itu adalah sebahagian daripada usaha berterusan Singapura untuk meningkatkan rejim Antipengubahan Wang Haram dan Membanteras Pembiayaan Keganasan (AML/CFT).

Strategi itu menumpukan kepada empat teras iaitu mengesan aktiviti mencurigakan dan jenayah dengan menjelaki dana haram, menghalang penjenayah daripada hasil haram mereka melalui rampasan dan penyitaan segera, memastikan pemulihan maksimum aset untuk pelucutahan dan pemulangan kepada mangsa dan menghalang penjenayah daripada

menggunakan Singapura untuk menyembunyikan, mengalihkan atau menikmati aset haram mereka.

Singapura melaksanakan empat teras itu melalui usaha pencegahan kerugian di peringkat awal, pendekatan seluruh masyarakat serta mengukuhkan kerjasama dengan rakan sejawat antarabangsa, pihak berkepentingan masyarakat dan sektor swasta dalam usaha pemulihan aset dan pencegahan kerugian.

"Sebagai contoh, Komando Antipenipuan Pasukan Polis Singapura dan bank-bank tempatan menghantar lebih 16,700 makluman SMS dari Mac hingga April 2024 untuk memberi amaran kepada lebih 12,500 pelanggan bank, yang dikesan pihak berkuasa sedang dalam proses ditipu," menurut kenyataan itu.

Ini telah berjaya menggagalkan lebih 3,000 penipuan dan mengelakkan kerugian lebih S\$100 juta.

Di Singapura, sebahagian besar kes pengubahan wang haram bersifat transnasional, melibatkan kesalahan predikat asing dan sindiket jenayah asing yang menggunakan kaedah yang canggih dan kompleks, termasuk taktik berlapis dan teknologi digital, untuk menyembunyikan pergerakan rentas sempadan dana haram mereka.

Sementara itu, Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kewangan Lawrence Wong pada pembukaan Mesyuarat Plenari Pasukan Petugas Tindakan Kewangan pada pagi

Rabu berkata Singapura menjadikan pemulihan aset sebagai keutamaan dalam rejim antipengubahan wang kebangsaannya.

"Singapura mengambil pendekatan tegas terhadap jenayah kewangan. Tetapi toleransi sifar tidak bermakna kejadian sifar."

"Jadi kami mengamalkan pendekatan berdasarkan risiko. Kami memberi tumpuan kepada memahami trend dan perkembangan terkini dalam dunia kewangan yang boleh dieksplorasi oleh penjenayah dan kami membangunkan alat dan rangka kerja undang-undang yang membolehkan kami mengesan individu dan aktiviti mencurigakan lebih awal," katanya.

Wong berkata pada Ogos tahun lepas, agensi penguatkuasaan undang-undang negara itu menjalankan satu daripada operasi antipengubahan wang terbesar di dunia dan merampas lebih S\$3 bilion aset daripada 27 suspek.

Sepuluh suspek telah disabitkan kesalahan dalam tempoh setahun selepas penahanan mereka dan kira-kira S\$940 juta aset mereka telah dilucutahkan kepada negara, yang merupakan lebih 90 peratus daripada apa yang diampas daripada mereka.

"Siasatan masih dijalankan terhadap 17 suspek lain yang kini berada di luar negara," katanya.

Wong berkata pengalaman dan pengajaran yang diperoleh daripada operasi itu akan digunakan untuk mengukuhkan peraturan dan penguatkuasaan di Singapura. - ©BERNAMA

JEPUN MULAKAN PELEPASAN KE-7 AIR SISA NUKLEAR FUKUSHIMA



TOKYO, 28 Jun. - Jepun pada Jumaat memulakan pusingan ketujuh pelepasan air sisa tercemar nuklear dari Loji Kuasa Nuklear

Fukushima Daiichi ke Lautan Pasifik.

Walaupun mendapat tentangan hebat di dalam dan luar

negara, Tokyo Electric Power Company (TEPCO), pengendali loji itu memulakan pelepasan air sisa radioaktif itu pada waktu pagi,

pusingan ketiga dalam tahun fiskal 2024, lapor Xinhua.

Seperti pusingan sebelumnya, dilepaskan sehingga 16 Julai. kira-kira 7,800 tan air sisa akan

- ©BERNAMA

Seorang maut, bumbung runtuh di lapangan terbang Delhi

NEW DELHI, 28 Jun. - Beberapa penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Indira Gandhi di New Delhi digantung pada pagi Jumaat selepas sebahagian bumbung Terminal 1 runtuh akibat hujan lebat, menurut pihak lapangan terbang.

Sekurang-kurangnya seorang terbunuh dan enam cedera, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) yang memetik saluran berita NDTV dan agensi berita PTI.

Menurut NDTV, mangsa berada dalam empat kenderaan yang dihempap oleh balok yang runtuh.

"Akibat hujan lebat sejak awal pagi ini, sebahagian kanopi di hadapan pintu berlepas lama Terminal 1 Lapangan Terbang Delhi runtuh sekitar jam 5 pagi (2330 GMT Khamis)," menurut kenyataan lapangan terbang itu, sambil menambah bahawa terdapat laporan kecederaan.

Seuja penerbangan berlepas dari Terminal 1 pada mulanya digantung. Dalam kemas kini pada 8.45 pagi, lapangan terbang menyatakan semua penerbangan dari Terminal 2 dan Terminal 3 beroperasi sepenuhnya, manakala penerbangan berlepas dari Terminal 1 dibatalkan

sehingga 2 petang hari ini.

Sementara itu, hujan lebat pada awal pagi Jumaat telah menjelaskan kehidupan normal di ibu kota India, dengan beberapa tempat mengalami banjir teruk, lapor Xinhua.

Kenderaan kelihatan tenggelam dalam air bertakung di bawah jambatan selepas hujan lebat yang berterusan sekurang-kurangnya tiga jam. Sistem saliran yang lemah dipersalaskan atas kejadian banjir teruk itu.

Banyak tempat di kawasan Perbadanan Perbandaran New Delhi (NDMC) yang menempatkan

beberapa bangunan kerajaan penting serta kediaman rasmi ahli parliment, hakim kanan dan

pegawai pentadbiran, mengalami banjir sehingga ke paras lutut. - ©BERNAMA

Nigeria musnahkan 165 kilang penapisan minyak haram dalam seminggu

ABUJA (Nigeria), 28 Jun. - Sebanyak 165 kemudahan penapisan minyak mentah curi secara haram telah dimusnahkan di Nigeria pada minggu lepas, kata Nigerian National Petroleum Corporation Ltd (NNPCL) pada Khamis.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan NNPCL, Mele Kyari, berkata kira-kira 400 insiden kecurian minyak dan vandalisme juga dilaporkan oleh agensi keselamatan kerajaan dan swasta

dilakukan di wilayah Delta Niger dalam tempoh itu, lapor Agensi Anadolu.

Kyari menyatakan bahawa NNPCL dengan kerjasama tentera Nigeria telah menjalankan operasi di Delta Niger.

Menurut beliau, selain memusnahkan kilang penapisan minyak haram, sebanyak 39 sambungan talian paip tanpa kebenaran turut dihapuskan dalam operasi itu.

Senator Nigeria, Ned Nwoko sebelum ini mengumumkan bahawa

negara itu kehilangan lebih US\$3 bilion tahun lalu akibat peningkatan kecurian minyak dan serangan talian paip.

Negara itu mempunyai kira-kira 37 bilion tong rizab minyak mentah, menyumbang 3.1 peratus daripada rizab global.

Nigeria, yang berada di kedudukan antara 15 negara pengeluar minyak mentah utama di dunia mempunyai rizab minyak ke-10 terbesar dunia dan keenam dari segi eksport minyak. - ©BERNAMA

Dua terbunuh, puluhan cedera dalam nahas kereta api tergelincir di Rusia

MOSCOW, 28 Jun. - Sekurang-kurangnya dua penumpang terbunuh dan puluhan cedera dalam kejadian kereta api tergelincir di utara Rusia, kata pengendali kereta api negara itu pada Khamis, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Menurut pihak berkuasa, kemalangan itu berlaku pada

Rabu malam di Republik Komi, Rusia, mengakibatkan sembilan daripada 14 gerabak tergelincir dan terbalik berhampiran Bandar Inta. Russian Railways berkata dua mayat ditemukan di lokasi kemalangan dan seorang lagi masih hilang.

Sementara itu, agensi berita Interfax yang memetik maklumat

diberikan perkhidmatan kecemasan, melaporkan bahawa sehingga 50 orang cedera, dengan beberapa orang parah.

Kira-kira 200 penumpang dan 20 kru berada di dalam kereta api itu pada masa kemalangan. Punca kejadian dipercayai disebabkan oleh landasan yang terjejas selepas hujan lebat. - ©BERNAMA

Gelombang haba dijangka landa 17 bandar Itali

ROM, 28 Jun. - Sebanyak 17 bandar di Itali akan menerima amaran gelombang haba hujung minggu ini, kata Kementerian Kesihatan negara itu pada Khamis.

Kementerian itu berkata 17 daripada 27 bandar di Itali yang dipantau akan berada di bawah amaran gelombang haba tahap dua mulai Sabtu, termasuk ibu kota Tuscany, Florence, ibu kota Sicily, Palermo dan ibu kota Itali, Rom,

lapor Xinhua.

Ketika sebahagian besar bahagian utara negara itu dijangka mengelak kenaikan suhu panas, bandar Trieste dan Verona di timur laut mungkin dilanda gelombang haba yang teruk. Kementerian mengumumkan bahawa amaran gelombang haba akan kekal berkuat kuasa sehingga sekurang-kurangnya Isnin.

Kementerian mengesyorkan

agar orang ramai di bandar terjejas teruk oleh gelombang haba supaya tinggal di dalam rumah antara 11 pagi hingga 6 petang waktu tempatan dan mengambil langkah berjaga-jaga lain untuk mengelakkan penyakit berkaitan haba.

Menurut laman pemantauan cuaca Itali, II Meteo, suhu di lebih 10 bandar dijangka melebihi 40 derjah Celsius (104 derjah Fahrenheit) menjelang Sabtu, disebabkan arus cuaca panas yang bergerak ke utara dari Afrika. - ©BERNAMA

Pasangan panda gergasi China tiba di AS

LOS ANGELES/Chengdu, 28 Jun. - Dua panda gergasi, Yun Chuan dan Xin Bao tiba di California dari China pada Khamis untuk kerjasama 10 tahun dengan Zoo San Diego, menandakan fasa baharu dalam usaha perlindungan panda antara China dan Amerika Syarikat (AS).

Yun Chuan, panda gergasi jantan berusia lima tahun dan Xin Bao, panda betina berusia empat tahun, dipilih dari Pusat Pemuliharaan dan Penyelidikan Panda Gergasi China (CCRCGP), lapor Xinhua.

Mamalia itu berlepas dari Pusat Panda Bifengxia di Bandar Ya'an di wilayah Sichuan, barat daya China dengan penerbangan sewa khas pada petang Rabu.

Pasangan panda itu yang transit melalui Hong Kong dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Los Angeles, ditemani oleh lima pembiak baka dan doktor haiwan yang berpengalaman.

Kedua-duanya yang pertama memasuki AS dalam lebih dua dekad, akan dibawa ke Zoo San Diego sebaik tiba di Los Angeles.

Panda gergasi itu akan di kuarantin selama sekurang-kurangnya 30 hari, mengikut prosedur standard dan tarikh penampilan awam akan diumumkan selepas pasukan penjagaan haiwan merasakan mereka bersedia untuk bertemu pengunjung.

CCRCGP telah menjalankan kerjasama penyelidikan saintifik dengan Zoo San Diego selama lebih 25 tahun, dengan hasil yang memberangsangkan dalam perlindungan, pembiakan dan kawalan penyakit panda gergasi, serta pendidikan awam berkaitan.

Sebagai simbol kerjasama, Yun Chuan ialah anak kepada Zhen Zhen, yang dilahirkan di Zoo San Diego pada tahun 2007 dan cucu kepada Bai Yun, yang tinggal di zoo berkenaan selama lebih 20 tahun.

Bai Yun yang berusia 27 tahun dan anaknya, Xiao Liwu, dua ekor panda gergasi terakhir di Zoo San Diego, dihantar pulang ke China pada 2019 setelah perjanjian pemuliharaan terakhir zoo dengan China tamat.

Sementara itu, ramai penduduk San Diego serta kakitangan zoo menantikan kedatangan semula ikon zoo yang dicintai itu.

"Kami sangat teruja untuk menyambut Yun Chuan dan Xin Bao ke dalam keluarga Zoo San Diego," kata Paul Baribault, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif untuk San Diego Zoo Wildlife Alliance, dalam satu kenyataan media. - ©BERNAMA

Gyeongju, Korea Selatan dipilih sebagai tuan rumah Sidang Kemuncak APEC 2025

SEOUL, 28 Jun. - Bandaraya bersejarah Gyeongju yang terletak di tenggara Korea Selatan dipilih untuk menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) 2025, kata Kementerian Luar pada Khamis.

Jawatankuasa Persediaan untuk Sidang Kemuncak APEC mengadakan mesyuarat awal hari ini dan memilih Gyeongju, kira-kira 280 kilometer tenggara Seoul, sebagai lokasi untuk sidang kemuncak yang dijadualkan pada November depan, lapor agensi berita Yonhap menurut kenyataan akhbar kementerian.

Sidang Kemuncak APEC 2025 akan dihoskan di Korea Selatan buat kali pertama dalam tempoh 20 tahun sejak sidang sebelumnya diadakan di bandar pelabuhan tenggara, Busan pada 2005.

Semasa mesyuarat itu, jawatankuasa berkenaan juga memutuskan untuk memanfaatkan dua bandar calon lain - Incheon, di barat Seoul, dan pulau peranginan di selatan, Jeju - dengan menganjurkan pelbagai mesyuarat menteri dan pegawai kanan yang berkaitan dengan Sidang Kemuncak APEC.

Gyeongju, salah satu destinasi pelancongan paling popular di negara ini, adalah ibu kota Dinasti Silla (57 SM-935 M). - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



CARI, GILAP BAKAT PEMAIN MUDA



TIMBALAN Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Mahrub bin Haji Murni bergambar ramai pada Program Bola Sepak sempena Hari Bola Sepak Akar Umbi Serantau Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) 2024.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ihsan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

TEMBURONG, Jumaat, 28 Jun. - Program Bola Sepak sempena Hari Bola Sepak Akar Umbi Serantau Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) 2024 telah berjaya menarik minat lebih 60 pemain berusia bawah 10 tahun dan 12 tahun di daerah ini.

Timbalan Presiden Persatuan Bola

Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Mahrub bin Haji Murni berharap dengan potensi yang ditunjukkan oleh para pemain peringkat akar umbi berkenaan perlu digilap dan terus dibimbing agar mereka akan tampil selaku pemain yang berkualiti satu masa nanti.

"Mereka merupakan pemain-pemain

pelapis yang sangat berharga justeru, sokongan yang gigih daripada semua pihak perlu diterapkan agar minat mereka dalam sukan bola sepak tidak terkubur," jelasnya semasa berucap melancarkan program bola sepak berkenaan anjuran FABD dengan kerjasama Pertubuhan Bola Sepak Amateur Temburong (TAFA) di padang Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, Temburong.

Para peserta berpeluang menyertai fasa

latihan bola sepak dan pengenalan teknik permainan.

Pada akhir sesi, Guru Besar Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi, Dayang Limawati binti Galawat menyampaikan hadiah kepada pemenang acara *juggling* bola.

Hadir menyaksikan program berkenaan ialah Yang Dipertua TAFA, Awang Haji Miramit bin Haji Damit dan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD.

Sukan Olimpik 2024 : Tang Jie-Ee Wei mahu 'cungkil' rahsia Widianto

KUALA LUMPUR, 28 Jun. - Beregu campuran utama negara Chen Tang Jie-Toh Ee Wei mahu mencungkil 'rahsia' jurulatih mereka, Nova Widianto, yang pernah menyumbang pingat perak buat kontinjen Indonesia pada penampilan keduanya bergandingan dengan Liliyana Natsir di Sukan Olimpik Beijing 2008.

Widianto membuat penampilan sulung pada edisi 2004 di Athens bersama gandingannya Vita Marissa menyaksikan mereka terkandas di suku akhir apabila tewas 12-15, 8-15 kepada gandingan Denmark Jens Eriksen-Matte Schjoldager. Pada edisi di Beijing, Widianto-Liliyana yang diletakkan sebagai pilihan utama tewas kepada pasangan Korea Selatan Lee Yong Dae-Lee Hyo Jung 21-11, 21-17.

Bagi Tang Jie yang akan membuat penampilan sulung bersama Ee Wei di temasya Sukan Olimpik Paris 2024, beliau amat memerlukan panduan penting daripada jurulatih berusia 46 tahun itu untuk bagaimana berdepan suasana pertandingan berintensiti tinggi.

"Selain persediaan mental, intensiti pertandingan juga tidak sama dengan kejohanan lain. Kami sememangnya tiada pengalaman beraksi di Sukan Olimpik. Jadi kami perlu bertanya kepada jurulatih mengenai persiapannya sebelum ini," katanya kepada Bernama.

Menurut pemain kelahiran Ipoh, Perak itu, kesemua pemain yang beraksi pada Sukan Olimpik kali ini mempunyai peluang sama rata untuk memenangi pingat emas, tidak kira sama ada gandingan terbaik dunia mahupun yang di ranking lebih rendah.

Tang Jie bersama Ee Wei yang kini menghuni ranking kesembilan dunia berkata intensiti akan dipertingkatkan pada minggu terakhir latihan mereka yang lebih menumpukan kepada prestasi, mental dan fizikal sebelum berdepan lawan mereka yang kemungkinan dalam kelompok tiga terbaik dunia.

Pemain berusia 26 tahun itu berkata rekod pertemuan tidak menyebelahi mereka ketika berdepan gandingan utama dunia dari China Zheng Si Wei-Huang Ya Qiong dan pernah

menang sekali daripada tiga pertemuan masing-masing bertemu Feng Yan Zhe-Huang Dong Ping iaitu pasangan kedua dunia juga dari China dan Yuta Watanabe-Arisa Higashino ketiga dunia dari Jepun.

Sementara itu, Tang Jie mengakui wujudnya tekanan apatah lagi mereka melangkah ke

pentas Olimpik buat kali pertama. "Saya harap kami mampu mengatasi tekanan itu dan bebas daripada sebarang kecederaan menjelang aksi di Paris," katanya. Untuk rekod, Tang Jie-Ee Wei muncul naib juara pada kejohanan badminton Master Thailand dan Terbuka Swiss tahun ini. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

NEGARA Brunei Darussalam merupakan negara pertama di dunia yang menggunakan teknologi *smart card* dan *biometric* dalam pengeluaran Kad Pengenalan bagi seluruh rakyat dan penduduknya. Berdasarkan kepada Peraturan 24(3), Akta Pendaftaran Kebangsaan (Pindaan) 2000, jika seseorang gagal untuk mendaftar Kad Pengenalan Pintar pada waktunya boleh dikenakan denda kompaun maksimum tidak lebih daripada BND200.

SUMBER : Pelita Brunei Edisi Ogos 2000, www.immigration.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMPERKASA MASYARAKAT MASA DEPAN TANPA PENYALAHGUNAAN DADAH